

# CREATE



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

Januari-Mac 2009

Untuk menjadi universiti pilihan pertama,  
bertaraf dunia dan berjenama

**"Warga UMP  
harus ambil  
iktibar daripada  
krisis ekonomi  
global"**

- Dato' Sri Mohd Najib  
Tun Haji Abdul Razak

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Warga UMP disaran tingkatkan  
amalan memaknakan slogan  
*Engineering, Technology and  
Creativity*



Pelajar  
Prasiswazah China  
bangga menuntut  
di UMP



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

# 1st

Aspiring To Be  
The First Choice,  
World Class And  
Branded University



Universiti Malaysia Pahang Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel: (+609) 549 2501, Fax: (+609) 549 3199 e-Mail: [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)



[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)

# Sidang Editorial

## PENANUNG

Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Daing  
Nasir Ibrahim  
[daing@ump.edu.my](mailto:daing@ump.edu.my)

## KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie  
[rahman@ump.edu.my](mailto:rahman@ump.edu.my)

## EDITOR

Safriza Baharuddin  
[safriz@ump.edu.my](mailto:safriz@ump.edu.my)

Nadzariah Mohamed  
[nadzariah@ump.edu.my](mailto:nadzariah@ump.edu.my)

Arman A. Rahim  
[arman@ump.edu.my](mailto:arman@ump.edu.my)

## WARTAWAN/PENULIS

Ahmad Reduan Mohd Yusof  
[reduan@ump.edu.my](mailto:reduan@ump.edu.my)

Siti Aishah Ghani  
[sitiaish@ump.edu.my](mailto:sitiaish@ump.edu.my)

Muhammad Azli Shukri  
[mdazli@ump.edu.my](mailto:mdazli@ump.edu.my)

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Mohd. Rozmillah Othman  
[rozmillah@ump.edu.my](mailto:rozmillah@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

Nor Yazi Khamis  
[nyazi@ump.edu.my](mailto:nyazi@ump.edu.my)



## PEREKAA GRAFIK

Azman Md Diah  
[azmanm@ump.edu.my](mailto:azmanm@ump.edu.my)

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

## JURUFOTO

Khairul Aidilnisha Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz  
[hafizatul@ump.edu.my](mailto:hafizatul@ump.edu.my)

## NORHAFIZAH FADZILLAH

Norhafizah Fadzillah  
[nhfizah@ump.edu.my](mailto:nhfizah@ump.edu.my)

## PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman  
[mahdi@ump.edu.my](mailto:mahdi@ump.edu.my)

Buletin CREATE diterbitkan empat kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan tehadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia PAhang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang, Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184  
Faks : 09-549 3199  
e-Mel : [create@ump.edu.my](mailto:create@ump.edu.my)

# Dari Meja Ketua Editor

*Lakar kejayaan dengan azam baharu, tekad untuk berubah*

Salam Create.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana masih memberikan usia kepada kita untuk bersua pada edisi Januari-Mac 2009 ini. Tahun 2008 telah melabuhkan tirainya dan telah meninggalkan kita buat selama-lamanya. Setahun sudah berlalu, meninggalkan kita dengan pelbagai peristiwa dan memori yang mungkin tidak dapat kita lupakan. Ada yang manis dan ada pula yang pahit untuk ditelan. Namun kita harus berbangga kerana berjaya menempuh satu tahun itu. Syabas. Realitinya kini muncullah pula lembaran baharu sebagai menyambut kedatangan tahun 2009. Apa yang pasti, kehadiran tahun baharu ini membawa makna yang cukup besar bagi setiap orang. Sudah menjadi kelaziman, apabila berbicara tentang tahun baharu, ia tetap sinonim dengan azam dan semangat baharu. Maka tidak hairanlah sekiranya pelbagai azam sudah siap tersenarai dalam minda anda ketika itu. Apa yang perlu dilakukan hanyalah bila dan bagaimanakah caranya anda merealisasikan azam tersebut sehingga menjadi kenyataan. Namun begitu, untuk mencapai azam tersebut bukanlah sesuatu yang mudah. Ini kerana tanpa perancangan yang teliti maka segala azam yang telah direncanakan akan menjadi sia-sia. Setiap cabaran dan halangan yang telah ditempuh sebenarnya telah mematangkan kita sedikit sebanyak untuk mengubah personaliti kita menjadi lebih kental dan tabah. Ia juga membuatkan kita lebih berani, cerdik dan pandai menguruskan risiko pada masa akan datang.

Tahun 2009 juga ternyata merupakan tahun yang mencabar buat kita semua. Kedatangan tahun baharu diselubungi dengan kemelesetan ekonomi global mula melanda sejak pertengahan tahun lalu. Negara maju seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, Britain dan banyak lagi negara telah merasainya. Kesannya juga turut melanda negara kita Malaysia. Akibat kemelesetan ekonomi yang berlaku, ada di kalangan negara terbabit terpaksa mengambil langkah mengurangkan pekerja sama ada dalam sektor kerajaan maupun swasta. Malaysia tidak ketinggalan menerima tempias yang berlaku akibat kemelesetan ekonomi global. Terdapat beberapa buah syarikat swasta tidak lagi mampu bertahan menanggung kelembapan ekonomi yang melanda. Akhirnya, syarikat yang terbabit turut mengambil langkah pengurangan pekerja, penurunan gaji pekerja, tiada kenaikan gaji tahunan dan lebih malang lagi ada yang menghentikan operasi syarikat. UMP juga sedikit sebanyak turut sama menerima tempias kegawatan ekonomi ini. Dalam mengharungi cabaran ini, semua staf UMP harus bergabung tenaga dan idea bagi memastikan kegawatan ini tidak sekali-kali mengganggu usaha kita untuk menjadi universiti pilihan pertama, bertaraf dunia dan berjenama. Mungkin ada hikmah di sebalik kegawatan ini.

Tahun 2009 juga ternyata menjadi sejarah bagi seluruh warga UMP kerana buat julung kalinya, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak sudi hadir ke UMP untuk menyampaikan amanat beliau kepada warga UMP. UMP yang ditubuhkan pada tahun 2002 dan terletak dalam lingkungan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebenarnya merupakan hasil cetusan idea beliau dan kini menjadi kebanggaan serta nadi negeri Pahang Darul Makmur. Timbalan Perdana Menteri dalam amanat beliau turut menekankan bahawa kerajaan akan memantapkan pembangunan prasarana dan modal intelektual ke tahap optimum. Seperti mana saranan beliau itu, inilah masanya institusi pengajian tinggi menjadi pusat kecemerlangan akademik dan melahirkan pelajar yang hebat dalam akademik serta benar-benar terdidik dan mempunyai nilai tambah. Kita juga berbangga buat julung kalinya juga UMP menjadi tuan rumah kepada Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur

Sementara itu, selaras dengan saranan pucuk pimpinan tertinggi negara, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut memberikan penekanan yang sama dalam Majlis Perutusan Tahunan Naib Canselor 2009. Beliau berharap agar warga UMP perlulah bersedia untuk menghadapi proses *re-engineering*, sama ada berkhidmat atau belajar di UMP ini. Beliau amat berharap corak pemikiran dan tindakan semua warga UMP perlu mencerminkan nilai intelek, keterbukaan, kesederhanaan dan rasional sebagai warga sebuah menara gading.

Akhir kata, salam tahun baharu dan semoga tahun 2009 menjanjikan kejayaan yang penuh cemerlang buat diri kita, keluarga, UMP dan negara Malaysia yang kita cintai ini.

Abd. Rahman Hj Safie

# Daya kepimpinan graduan perlu diperkasakan – Canselor



Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, selaras dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, satu pelan pembangunan dan kecemerlangan kepimpinan pelajar UMP perlu dirangka dengan baik supaya potensi mahasiswa terbabit dapat diperkasakan.

Baginda berkata, pelan itu juga bakal melahirkan graduan berkemahiran, berpengetahuan kompeten dan menepati keperluan semasa. Baginda juga meminta pengurusan UMP memberi perhatian serius kepada pelaksanaan Strategi UMP 2008 hingga 2010 untuk meneruskan inisiatif yang sudah dirancang dengan baik dan berkesan.

"Perubahan dalam pentadbiran dan pengurusan penting bagi menjamin kecemerlangan berterusan selain penyampaian perkhidmatan terbaik yang disediakan kepada pelajar dan pelanggan.

"Pemantauan kemudahan dan prasarana yang disediakan juga sentiasa dilakukan secara berterusan dan kegagalan mematuhi garis panduan serta standard tidak boleh dikompromi," titahnya sempena Majlis Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua UMP di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan pada 24 Januari 2009 yang lalu.

Selain itu, baginda mahu daya kepimpinan graduan perlu diperkasakan dari semasa ke semasa supaya mereka dapat berfikir dengan lebih luas dalam sudut pandangan yang berbeza dan tidak terhad kepada isu dalaman kampus sahaja.

"Mereka perlu berupaya mengutarakan pandangan konstruktif termasuk cadangan konkret mengenai isu nasional dan global yang relevan sesuai dalam situasi masyarakat kini," titahnya.

Baginda juga berbangga dengan pencapaian dan kejayaan graduan UMP mencebur bidang pekerjaan dalam tempoh singkat. Titahnya lagi, selain pencapaian cemerlang dalam akademik, pihak pengurusan juga perlu memberi perhatian serius kepada

pembangunan sahsiahan dan kepimpinan pelajar bagi memastikan graduan UMP terus berkualiti dalam pelbagai bidang. Di dalam titah ucapannya juga baginda menyeru para graduan untuk mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran terutamanya untuk menempatkan diri dalam pasaran kerja.

Titahnya, kejayaan graduan dari tahun ke tahun semakin meningkat dan graduan UMP perlu mempunyai sikap daya saing yang tinggi kerana mereka yang berkualiti sahaja akan berjaya menempatkan diri dalam sektor pekerjaan.

Baginda sebelum itu menyampaikan diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana kepada 310 graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang kejuruteraan.

Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua UMP buat pertama kali mengeluarkan seramai lapan graduan sulung Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) menerusi Diploma Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan Industri & Alam Sekitar.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Pada sidang kedua ini juga menyaksikan seramai lapan orang graduan sulung Diploma Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan Industri dan Alam Sekitar menerima diploma masing-masing.

Zahrun Nizam Adam @ Ahdani yang ditemui berkata, ini adalah hasil usaha beliau selama ini berulang-alik dari Shah Alam ke Kuantan untuk menambah ilmu pengetahuan.

Antara cabarannya adalah menyesuaikan diri dengan program jarak jauh ini dan terpaksa datang ke kelas pada hujung minggu.

"Walau bagaimanapun, saya amat berterima kasih kepada para pensyarah dan staf Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) yang telah banyak memainkan peranan sehingga saya berjaya mencapai kejayaan ini," tambah beliau.

# Hadiah Kecemerlangan Akademik Heitech milik Mohd. Usaid



Muhd. Usaid Johan, 23, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) telah dipilih sebagai pelajar cemerlang Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Majlis Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua yang berlangsung pada 24 Januari 2009 yang lalu di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Muhd Usaid yang berasal dari Sungai Petani itu menamatkan pengajian dengan CGPA 3.74 telah dianugerahkan Hadiah Kecemerlangan Industri Heitech pada majlis itu.

Menurut Usaid, faktor kejayaan ini adalah atas dorongan keluarga, pensyarah dan rakan-rakannya.

Beliau yang juga penerima Anugerah Dekan enam kali berturut-turut sejak semester satu bijak membahagi masa dalam akademik dan kurikulum.

"Selain memberi tumpuan kepada akademik, saya juga aktif dalam sukan bola sepak dan ragbi," ujarnya yang kini bekerja sebagai Jurutera Perisian di Intel Products Malaysia Sdn. Bhd. di Kulim Hi-Tech Park, Kedah.

Sementara itu, bapanya, Johan Abdullah, 51, yang merupakan bekas Pengurus Jualan Utusan di Bangi yang telah bersara melahirkan rasa syukur dengan kejayaan anak sulungnya itu.


"Saya berharap Muhd. Usaid akan terus berjaya dalam apa juar bidang yang diceburinya selepas ini," katanya dengan gembira.

Johan berkata, beliau dan isterinya, Mashitah Osman, 50, akan terus memberi sokongan dan dorongan kepada Muhd. Usaid untuk lebih berjaya dalam kerjaya masa depannya.



# Warga UMP harus ambil iktibar daripada krisis ekonomi global

– Najib



Perhatian seluruh dunia pada masa kini telah tertumpu kepada soal krisis kewangan yang sedang melanda Malaysia. Krisis kewangan yang melanda Malaysia telah bermula dengan krisis sektor sub-prima (*sub primer sector*) di Amerika Syarikat dan melarap kepada krisis sistem kewangan di AS dan Eropah dan daripada krisis kewangan akhirnya menjadi krisis ekonomi dunia yang paling serius dan dahsyat sejak era deprasi pada tahun 1930 dahulu.

Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak berkata, sebagai warga universiti, perkembangan seperti ini harus diambil iktibar dan bertanya pada diri sendiri bagaimakah dan apakah implikasi daripada krisis ekonomi global ini ke atas diri kita.

"Kepada kita, sama ada ada implikasi atau hubung kaitnya ialah untuk kita memahami apakah sebenarnya punca krisis ini, baik kepada sistem mahupun *content* dalam pengajaran kita di dalam kurikulum-kurikulum di universiti dalam sistem pendidikan kita yang sedikit sebanyak boleh memberi pengajaran dan mungkin membawa kita untuk mengkaji semula ataupun melakukan penambahbaikan kepada fahaman kita terhadap apa yang telah berlaku mutakhir ini.

"Oleh itu, salah satu daripada pengajaran daripada krisis ini ialah bahawa kita perlu ada pemikiran baharu dari segi ideologi, kefahaman tentang apakah sistem yang terbaik yang boleh menentukan kesejahteraan kita secara berterusan.

"Dalam pengajaran kita termasuk di universiti-universiti ialah selain daripada pengetahuan kepada mata pelajaran tertentu, selain daripada pengkhususkan kita, tidak kira sama ada dalam bidang kejuruteraan, ekonomi dan sebagainya, kita jangan lupa bahawa kita membentuk manusia dan manusia dengan sistem nilainya (*value system*)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap

sempena Perhimpunan Warga UMP Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia & Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur pada 28 Februari 2009 yang lalu di Dataran Canseleri, UMP.

Tambahnya, kalaualah manusia yang kita jana melalui universiti ini, kalau produknya ialah manusia yang mempunyai kelulusan akademik tetapi tidak dididik dengan nilai-nilai yang baik maka manusia itu dengan kelulusan yang tinggi pun akhirnya boleh membawa kepada kesan krisis ekonomi.

"Justeru, amat penting bagi kita untuk membentuk manusia itu dengan sistem nilainya disertai dengan pengetahuannya supaya kita dapat membangunkan bukan sahaja pelajar yang hebat dari segi akademiknya tetapi seorang yang benar-benar terdidik.

"Orang yang benar-benar terdidik inilah yang negara kehendaki ke arah menghadapi dan menangani cabaran-cabaran yang lebih besar yang menanti kita," ujarnya.

Beliau turut menekankan tiga komponen pendemokrasian pendidikan, pertama ialah akses kepada pendidikan mesti dibuka seluas-luasnya, kedua ialah akses kepada pendidikan yang berkualiti dan yang ketiga ialah mesti adil dan saksama.

Jelasnya, melalui prinsip pendemokrasian pendidikan, ia terbuka seluas-luasnya dan Malaysia merupakan satu-satunya negara di kalangan negara sedang membangun yang boleh bangga bahawa Malaysia mengamalkan dasar yang amat-amat adil dan saksama.

Beliau turut memberitahu kepada warga UMP bahawa empowerment kepada universiti amat penting dan dengan autonomi yang diberikan setakat ini menunjukkan prestasi yang membanggakan dan menggunakan autonomi ini dengan penuh rasa tanggungjawab, kerajaan akan tambah lagi empowerment ke universiti.

Justeru, jelasnya lagi, jika universiti-universiti menggunakan empowerment dengan

sebaik-baiknya, kalau diberi peruntukan pembangunan & penyelidikan (R & D), tidak perlulah semua peruntukan itu digunakan untuk membuat lawatan ke luar negara.

"Bukan tidak boleh melawat ke luar negara tetapi kalau boleh buatlah penyelidikan di Tasik Chini umpamanya dan tidak perlulah pergi ke Tasik District di United Kingdom.

"Kalau universiti sudah ada kuasa, ia akan menjadi lebih *motivated*. Rasa terpanggil dengan semangat yang lebih berkobar-kobar untuk melakukan perubahan demi perubahan untuk menjadikan universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan bersaing dari segi *world ranking*nya," ujarnya.

Beliau turut berbangga dengan perkembangan UMP dan berharap UMP akan memberi kesan kepada masyarakat.

"Memasyarakatkan universiti merupakan salah satu agenda universiti-universiti kita dengan turun ke kampung-kampung, membuat penyelidikan dan sebagainya.

"Ini adalah antara tanggungjawab sosial yang perlu kita lakukan dan kepada pelajar-pelajar universiti gunakanlah kesempatan ini dengan sebaik-baiknya dan pindaan kepada Akta Universiti & Kolej Universiti (AUKU) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah memberi kita lebih kebebasan kepada pelajar untuk berpesatuan dan sebagainya.

"Mudah-mudahan ini akan menambahkan lagi pengetahuan kita dan menjadikan kita sebagai bakal pemimpin masa depan untuk negara kita," ujarnya.

Turut hadir Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Haji Yaakob dan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Timbalan Perdana Menteri juga telah dibawa ke Bilik Senat untuk mendengar Taklimat Tertutup yang disampaikan oleh Naib Canselor.



## Warga UMP disaran tingkatkan amalan memaknakan slogan

*“Engineering, Technology and Creativity”*



**S**emua warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) disaran agar menampilkan usaha meningkatkan amalan-amalan yang memaknakan tiga slogan UMP iaitu, *Engineering, Technology* dan *Creativity* dalam urusan masing-masing.

Demikian saranan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang disampaikan pada Perutusan Tahunan beliau yang berlangsung di Kompleks Sukan, UMP pada 2 Februari 2009 yang lalu.

Beliau turut mengumumkan sembilan amalan-amalan yang boleh diterapkan bagi memaknakan slogan ini iaitu:

- i. UMP memperkasakan bidang *engineering* sebagai *core businessnya*;
- ii. Penyelidikan bagi setiap bidang *engineering* dipergiatkan;
- iii. Memperkasa penggunaan teknologi;
- iv. Warga UMP mengamalkan *soft technology* iaitu *5S*;
- v. Menggunakan teknologi untuk meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan;
- vi. Memupuk warga kampus; staf dan pelajar yang kreatif;
- vii. Memperkasakan kepimpinan pelajar supaya potensi para pemimpin muda ini dapat diasah, dilap dan diperkasakan;
- viii. Menggalakkan tenaga pengajar dan penyelidik supaya lebih kreatif; dan
- ix. Latihan untuk peningkatan kompetensi dan kreativiti staf akademik, pengurusan dan profesional dan sokongan diperluaskan.

Katanya, walaupun pelbagai pihak berusaha meningkatkan keupayaan institusi pengajian tinggi untuk menghadapi cabaran masa kini dan masa depan, faktor berkaitan tiga slogan ini dan usaha-usaha untuk diamalkan dan dihayati dapat menterjemahkan aspirasi kita untuk menjadi sebuah institusi berfokus.

“Sebagai sebuah universiti berfokus kepada bidang teknikal, khususnya kejuruteraan, kita perlu menghayati dan memaknakan misi dan tanggungjawab kita dan sebab itu jugalah perkataan *engineering* digunakan pada logo UMP.

“Sewajarnya UMP harus bersedia untuk merekayasa dirinya atau *reinvent* selari dengan visi dan misi yang telah dipersetujui,” katanya ketika berucap pada majlis tahunan berkenaan.

Tambah beliau, penerimaan teknologi di UMP seharusnya di tahap yang tinggi dan penggunaan yang bijak.

“Warga UMP juga digesa untuk memupuk budaya kreatif yang mampu menjana pemikiran untuk mencipta barang atau perkhidmatan baharu atau melaksanakan idea baharu yang masih belum dicuba oleh orang lain,” jelasnya lanjut.

Menyentuh signifikan memperkenalkan langkah tersebut, beliau turut berkata, UMP seharusnya dapat menarik minat ahli akademik untuk sama-sama meningkatkan kualiti penyelidikan di institusi pengajian ini.

“Dengan wujudnya amalan-amalan yang menyokong tiga slogan ini, warga UMP diharap dapat membawa satu perubahan untuk meningkatkan teknologi dan kreativiti supaya dapat bersaing dengan universiti-universiti terkemuka dari banyak aspek.

“Kaedah *reengineering* yang kita lakukan perlulah mengikut acuan dan kaedah kita sendiri dengan penuh kreativiti,” katanya di hadapan kira-kira 4,000 orang pelajar dan staf UMP yang hadir untuk mendengar amanat beliau.



15,000

pengunjung serbu  
Karnival Pengajian  
Tinggi Zon Timur di  
UMP



Kira-kira 15,000 pengunjung dari seluruh negara menyerbu Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 28 hingga 1 Mac 2009 baru-baru ini.

Karnival anjuran Kementerian Pengajian Tinggi itu berjaya menarik pengunjung termasuk pelajar sekolah dan ibu bapa.

Objektif karnival yang julung kali diadakan di UMP itu adalah untuk menjadi Pusat Sehenti (*One Stop Centre*) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf.

Selain itu, karnival itu juga bertujuan untuk mempromosi dan menyebarluaskan maklumat mengenai program pengajian baharu yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di samping mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke IPTA melalui aplikasi dalam talian.

Turut didedahkan ialah syarat kelayakan bagi mengikuti program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA-IPTA dalam setiap bidang profesional yang disediakan. Pengunjung juga berpeluang meningkatkan pengetahuan mengenai Sains dan Teknologi terutama mengenai angkasa lepas menerusi program motivasi yang disampaikan oleh Angkasawan Negara, Mejaz Dr. Faiz Khaleed.

Karnival dua hari itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak.

Sepanjang karnival berlangsung, pengunjung telah berpeluang untuk melihat sendiri pelbagai hasil penyelidikan dan maklumat mengenai pengajian tinggi negara khususnya UMP di 70 buah gerai pameran yang disediakan.

Selain pameran, pelbagai acara telah diadakan antaranya termasuklah kuiz ‘Jom Masuk U’, jualan buku, cabutan bertuah dan forum kaunseling yang diadakan di Hotel Vistana, Kuantan.

Hadir sama Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Haji Yaacob dan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.



# UMP tawar program akademik futuristik dan bertaraf dunia

## PROFIL

**Nama:** Prof. Dr. Sabarudin bin Mohd.

**Tarikh lahir:** 15 November 1955

**Tempat lahir:** Temerloh, Pahang

**Taraf perkahwinan:** Berkahwin  
(3 orang anak)

**Pendidikan tinggi:** Ph.D. Structures  
(Birmingham, UK) (1990)  
M.Sc. Structures (Strathclyde, UK) (1987)  
B.Sc. (Hons) Civil Engineering (Glasgow,  
UK) (1986), dan  
Dip. in Civil Engineering (Glasgow, UK)  
(1979)

### Pengalaman

**Tarikh dilantik ke jawatan Pensyarah:**

14 Mei 1990 (USM)

**Tarikh dinaikkan pangkat ke jawatan**

**Profesor Madya:** 1 April 1996 (USM)

**Tarikh dilantik ke jawatan Profesor:**

1 Disember 2005 (KUKTEM)

**Jawatan sekarang:** Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa) (UMP): 1 Jun  
2007 – 31 Mei 2010

### **CREATE:**

*Pertamanya, saya bagi pihak Sidang Editorial CREATE ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. di atas kesudian dan kelapangan masa untuk ditemu bual pada keluaran kali ini. Sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) tentu sekali Prof. sendiri mempunyai visi dan misi dalam membawa UMP mencapai satu tahap yang cemerlang dalam bidang akademik dan antarabangsa sejajar dengan hasrat UMP menjadi sebuah Universiti Teknikal Bertaraf Dunia?*

### **TNC (A & A):**

Terima kasih. Saya akui bahawa peranan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) amatlah besar kerana akademik adalah merupakan tunjang utama sesebuah universiti, manakala pengantarabangsa pula adalah satu agenda yang sangat mencabar, terutama bagi sebuah universiti seperti UMP yang belum mempunyai susur sejarah yang kukuh dalam kedua-dua aspek tersebut. Namun begitu, saya berpandangan, secara bersama kita mampu membangunkan UMP setaraf dengan universiti terkemuka di dalam dan luar negara.

Justeru, saya perlu memastikan bahawa semua program terutama sekali di peringkat prasiswazah bukan sahaja diiktiraf, relevan dan terkini, tetapi juga mempunyai ciri-ciri keunikannya yang tersendiri, bersesuaian dengan moto universiti ini; *Engineering, Technology, Creativity*. UMP mesti mempelopori dalam melahirkan graduan yang bersifat futuristik, berfikiran baharu dan bertatasusila tinggi. Graduan UMP harus mampu bersaing di peringkat global dan bijak meneroka peluang di arena antarabangsa.

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk membawa jenama UMP ke persada global, namun ianya perlu digembangkan secara perkongsian bestari oleh segenap lapisan masyarakat universiti ini yang terdiri daripada pengurusan universiti, staf akademik, staf bukan akademik dan para pelajar sendiri. Dengan cara ini, UMP mampu untuk menerajui kecemerlangan akademik seterusnya mencapai status sebagai sebuah universiti teknikal bertaraf dunia.

**CREATE:**

*Usia UMP sudah semakin matang sejak ianya ditubuhkan hampir tujuh tahun yang lalu. Sejauh manakah Prof. melihat pertumbuhan pembangunan akademik di UMP ketika ini?*

**TNC (A & A):**

Seperti mana semua sedia maklum ketika Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) ditubuhkan pada tahun 2002, terdapat hanya lima buah fakulti sahaja yang menawarkan sebanyak 10 buah program. Kini jumlah fakulti telah bertambah ke tujuh buah fakulti dengan dua buah pusat akademik yang terdiri daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan juga Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Jumlah program yang ditawarkan oleh pihak UMP juga meningkat ke 58 buah program masing-masing 26 untuk program prasiswazah dan 32 untuk program pascasiswazah.

Dalam pada itu, berdasarkan Pelan Strategik UMP 2008 - 2010, UMP bercadang untuk membangunkan beberapa buah fakulti lagi dalam bidang-bidang baharu seperti Kejuruteraan Kreatif, Kejuruteraan Marin dan Teknologi Sains Kemanusiaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 ini. Perkembangan ini akan diteruskan dalam RMK-10 dan RMK-11 pada tahun 2020 dijangka UMP akan mempunyai sekitar 11 fakulti dengan 43 program ijazah sarjana muda. Pertumbuhan pembangunan akademik juga boleh diperhatikan kepada bilangan pengambilan pelajar yang meningkat pada setiap tahun. Sejak penubuhan awal KUKTEM, ketika itu hanya mempunyai jumlah pelajar seramai 303 orang dan kini jumlahnya telah meningkat kepada 4,366 orang. Peningkatan ini juga disokong dengan pengambilan jumlah pelajar pascasiswazah yang ketika ini berjumlah 140 orang termasuk pengambilan pelajar dari luar negara.

Itu adalah perkembangan akademik dilihat dari sudut statistik program yang ditawarkan dan pertumbuhan bilangan pelajar. Tetapi pertumbuhan akademik sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) bukan sahaja diukur dari sudut statistik program dan bilangan pelajar, malah dilihat dari pelbagai sudut. Saya ingin mengajak semua warga UMP mengingati pernyataan MISI universiti yang antara lain menyatakan, “offering excellent academic program”. Apa yang membezakan UMP daripada institusi lain ialah pernyataan “excellent” itu. “Excellent” boleh membawa pelbagai



maksud, antaranya, *outstanding, brilliant, extraordinary, tremendous, incomparable*. Ini bererti, program akademik yang kita tawarkan adalah yang terbaik, tiada tolok bandingnya. Persoalannya, apakah kita telah melaksanakan apa yang kita nyatakan dalam misi universiti tersebut. Kita perlu pastikan kurikulum yang ditawarkan adalah terkini, relevan, inovatif dan kreatif sejarah dengan perkembangan teknologi. Ini adalah satu cabaran yang besar kepada fakulti-fakulti dan dekan-dekan. Selain kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran juga sangat penting dalam menentukan pembangunan akademik. Sebagai universiti teknikal berteraskan kompetensi, maka pengajaran dan pembelajaran mesti dipelbagaikan demi menjana kompetensi di kalangan pelajar. Kita tidak boleh mengajar dengan kaedah konvensional, tetapi mesti dengan pelbagai media dan pendekatan. Sebagai TNC (A & A) saya akan pastikan perkara ini berlaku dan akan sentiasa menyokong dan membantu kalangan akademik dan fakulti dalam menyediakan prasarana dan latihan.

**CREATE:**

*Dalam era globalisasi, setiap IPTA/ IPT bersaing untuk mendapatkan pelajar dan tenaga pengajar antarabangsa yang berkualiti. Pada pandangan Prof, apakah kelebihan UMP untuk memastikan universiti ini menjadi pilihan pertama seterusnya menarik minat mereka untuk berhijrah ke sini?*

**TNC (A & A):**

UMP ditubuhkan sebagai sebuah universiti fokus, iaitu memfokus dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. UMP juga adalah universiti teknikal berteraskan kompetensi. Apa juga perkembangan akademik yang ingin kita lakukan haruslah

pada landasan Kejuruteraan dan Teknologi, berteraskan kompetensi, supaya tidak tersasar dari landasan penubuhannya. Pada hemat saya, ini adalah kekuatan yang ada pada UMP yang seharusnya dieksplor sepenuhnya bagi menjadikan universiti ini sebagai universiti pilihan pertama di kalangan pelajar mahupun tenaga pengajar. Sebagai sebuah universiti fokus, kita mempunyai banyak ruang untuk meneroka bidang-bidang Kejuruteraan baharu yang bukan tradisional. Ini adalah pendekatan yang sedang kita laksanakan. Baru-baru ini universiti telah meluluskan penubuhan Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Akademik di bawah Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa. Melalui pusat ini, kita akan meneroka bidang-bidang Kejuruteraan yang baharu muncul ini untuk membangunkan program akademik masa akan datang dan juga fakulti-fakulti baharu. Perkembangan teknologi dan pembangunan praktis moden telah memunculkan bidang-bidang baharu yang bukan konvensional dalam pelbagai industri. Kita perlu bertindak secara proaktif dalam menyediakan sumber manusia yang diperlukan dalam bidang-bidang baharu ini. Saya percaya, penawaran program-program baharu yang bukan konvensional ini bukan sahaja mampu menarik minat pelajar, penyelidik dan tenaga pengajar, ia juga akan membezakan universiti ini daripada universiti yang lain.

Di samping meneroka bidang-bidang baharu kita juga sedang mengusahakan beberapa bentuk kerjasama dengan universiti luar negara. Sebagai contoh, kita sedang merancang bersama rakan IPT di Ireland dan Mesir untuk menawarkan program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Farmaseutikal. Program ini akan ditawarkan di semua rakan institusi

di Ireland dan Mesir dan juga UMP. Pelajar boleh pindah dengan pemindahan kredit antara institusi ini. Selain itu, kita juga sedang mengusahakan program berkembar dengan Beijing International Study University di China. Melalui kerjasama akademik ini bukan sahaja untuk pengantarabangsaan universiti, malah akan menarik minat lebih ramai pelajar luar negara untuk belajar di UMP.

Sebagai sebuah universiti teknikal berteraskan kompetensi pula, kaedah pengajaran dan pembelajaran tidak hanya tergantung kepada pembelajaran di dalam bilik kuliah, tetapi menggunakan pelbagai media yang membuatkan pengajian di UMP sangat menarik. Saya pernah menyebutkan di hadapan pelajar bahawa pengajian di UMP boleh diibaratkan satu program mencari harta karun, para pensyarah akan menyediakan beberapa *clue* di pelbagai peringkat dan tahap dalam pencarian harta karun tersebut, manakala pelajar pula

berusaha dengan pelbagai kaedah untuk mencarinya. Maksudnya, pengajian di UMP adalah satu pengalaman yang sangat menyeronokkan.

Pemilihan UMP sebagai universiti pilihan pertama dapat dilihat apabila UMP telah menerima kemasukan pelajar luar negara sulung seramai 37 orang yang akan mengikuti program prasiswazah untuk pelbagai bidang bermula sesi 2009/2010 ini. Saya percaya dan berdasarkan kepada promosi dan lawatan ke luar negara yang dilakukan, ramai di kalangan pelajar luar negara yang berpotensi berminat untuk melanjutkan pengajian di UMP terutama pelajar-pelajar dari negara Timur Tengah, Asia Tengah, Indonesia, India dan sebagainya. Saya fikir menerusi kurikulum yang berorientasi aplikasi yang mengintegrasikan teori dan amali di dalam konsep *teaching factory*, penekanan ini dilihat mampu untuk melahirkan jurutera yang kompeten dan memenuhi keperluan industri masa kini.

### CREATE:

*Pihak Kementerian Pengajian Tinggi berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Justeru, apakah pandangan Prof. terhadap kenyataan tersebut kepada universiti di Malaysia?*

### TNC (A & A):

Sebagai salah sebuah universiti yang bernaung di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, UMP sentiasa berusaha untuk memastikan hasrat ini tercapai. Perkara ini merupakan satu transformasi kepada pengajian tinggi negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang sebaris dengan negara maju yang lain iaitu memastikan pengajian tinggi berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan. Untuk itu, Kementerian telah menyediakan satu Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang memberi fokus kepada pembangunan modal insan di samping membangunkan kapasiti pengajian tinggi, meluaskan akses pengajian tinggi dan menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi memaknakan hasrat ini, UMP telah membentuk satu Pelan Strategik 2008-2010 yang telah mengambil kira teras dan agenda kritis dalam PSPTN. Antara teras dan agenda kritis tersebut adalah meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti, menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperkasakan institusi pengajian tinggi, mempergiatkan pengantarabangsaan dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

IPT mempunyai peranan yang besar dalam menyediakan graduan yang memenuhi kehendak pasaran dengan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira tuntutan pihak industri dan majikan. Antara lain perkara yang perlu digembangkan adalah meningkatkan penggunaan bahasa asing dan berfikiran kritis di kalangan graduan. Pengeluaran modal insan dengan minda kelas pertama adalah merupakan sebab utama penubuhan IPT di Malaysia. Di samping itu, pengambilan pelajar antarabangsa juga perlu dipertingkatkan bagi memberi penerapan pelbagai perspektif, budaya dan ilmu yang seterusnya memperkayakan IPT di Malaysia. Oleh yang demikian, usaha pengantarabangsaan pengajian tinggi dilihat sebagai suatu yang signifikan terutama melalui perkongsian bestari untuk mencapai standard yang setara dengan IPT terkemuka di dunia supaya pemindahan ilmu dapat dimanfaatkan. Rangkaian



kerjasama ini akan membangunkan kapasiti nilai tambah IPT dan menyuntik perspektif global.

**CREATE:**

*Kolaborasi antara UMP dengan institusi pengajian tinggi luar negara dilihat merupakan salah satu tindakan yang dapat meningkatkan serta mempercepatkan proses pengantarabangsaan. Apakah usaha UMP dalam mempertingkatkan jaringan global pengajian tinggi serta kegiatan akademik di peringkat antarabangsa?*

**TNC (A & A):**

Sebagai TNC (A & A) adalah menjadi tanggungjawab saya untuk merancang agenda pengantarabangsaan UMP, sejajar dengan perancangan strategik jangka panjang universiti secara keseluruhannya. Seperti sedia maklum, universiti telah menubuhkan Pejabat Antarabangsa (IO) pada awal tahun ini sebagai satu daripada usaha menggiatkan program pengantarabangsaan. IO berperanan sebagai pusat rujukan setempat (*one stop center*) untuk menyelaraskan agenda pengantarabangsaan universiti, melibatkan aktiviti yang berkaitan dengan akademik, penyelidikan, perhubungan luar, promosi, pengambilan staf dan pelajar dari luar negara serta aktiviti pembangunan pelajar. IO perlu meningkatkan keupayaan dan akses dengan mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak kedutaan di seluruh negara terutama ASEAN, Asia Timur, Asia Tengah dan sebagainya. Dalam pada itu, usaha juga sedang dilaksanakan untuk penubuhan Jawatankuasa Pengantarabangsaan Universiti. Jawatankuasa ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pelaksanaan aktiviti dan program-program antarabangsa universiti terutama yang berhubung kait dengan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan berjalan secara terancang dan berstruktur.

Dalam mempertingkatkan jaringan global pengajian tinggi, pelbagai lawatan akademik dan hubungan kerjasama diwujudkan antara universiti luar negara. Malah satu majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMP dengan universiti luar negara juga telah diadakan pada 23 Januari 2009 yang melibatkan beberapa universiti luar negara seperti Alexandria University, MISR University for Science & Technology, Institutes of Technology Ireland, Institute of Technology Tallagh dan Institute of

Technology Dundalk. Kita telah mengenal pasti beberapa program kerjasama sama ada dalam bentuk dua hala maupun tiga hala. Antara program yang telah dipersekutui untuk dilaksanakan mulai tahun 2009 ini ialah pertukaran pelajar, pertukaran staf, staf sangkutan, sabatikal, penyelidikan dan projek perundingan selain daripada program ijazah sarjana muda secara bersama.

Selain itu, MoU juga turut dilakukan bersama Hebei University, Xi'an Shiyou University dan Beijing International Study University semasa lawatan ke negara China pada bulan Mac 2009 yang lalu. Malahan UMP juga sedang merancang untuk mengadakan MoU dalam tahun 2009 dengan beberapa lawatan susulan ke beberapa universiti lain seperti University of South Australia, Adelaide, Monash University, Melbourne, Massey University, Palmerstone North, University of Canterbury, Christchurch, Institut Teknologi Bandung, Indonesia dan lain-lain lagi. Antara hubungan kerjasama yang diwujudkan adalah dari segi pertukaran staf akademik, pertukaran pelajar, penempatan staf (*staff attachment*), penyelidikan, program akademik, pelantikan pemeriksa luar, pelantikan ahli Lembaga Pengajian dan sebagainya. Malahan UMP juga sedang berusaha untuk meningkatkan akses dan pengiktirafan daripada kedutaan luar negara bagi mempercepatkan proses kerjasama ini.

**CREATE:**

*UMP telahpun menerima pelajar antarabangsa dari negara China pada 10 Januari 2009. Bagaimanakah persediaan kepada seluruh warga universiti terutama di Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa dan Pejabat Antarabangsa dalam mengelolakan kebajikan pelajar antarabangsa apatah lagi sebagai pelajar antarabangsa sulung ini?*

**TNC (A & A):**

Alhamdulillah, berkat kerjasama semua pihak, proses menerima pelajar antarabangsa dari negara China pada 10 Januari 2009 yang lalu telah berjalan dengan lancar. Maklum balas yang diterima daripada ejen pelajar tersebut menyatakan bahawa sambutan yang dilakukan oleh pihak UMP amat unik dan berbeza dengan IPT yang lain. Mereka berasa amat gembira dengan layanan, sambutan dan pelaksanaan aktiviti sepanjang berada di UMP. Sebagai makluman tambahan, UMP bukan sahaja meningkatkan pengambilan

pelajar dari luar negara sahaja tetapi turut meningkatkan pengambilan tenaga akademik daripada luar negara. Pada tahun ini, dijangka jumlah staf akademik bukan warganegara akan mencecah hampir 50 orang yang diserapkan ke beberapa fakulti/ pusat akademik.

Buat masa ini, semua pelajar tersebut sedang mengikuti program *Preparatory Intensive English* (PIE) yang dikendalikan oleh pihak PBMSK selama enam bulan. Program tersebut adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar tersebut dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Maklum balas yang kita terima menyatakan bahawa program tersebut telah menamparkan perkembangan yang positif apabila pelajar tersebut telah berani dan yakin untuk bertutur dalam bahasa Inggeris apabila berurusan dengan beberapa pihak di UMP.

**CREATE:**

*Akhir sekali, apakah harapan Prof. dalam memastikan UMP dikenali di peringkat antarabangsa dan merealisasikan visi universiti menjadi sebuah Universiti Teknikal Bertaraf Dunia?*

**TNC (A & A):**

Saya sangat optimis UMP akan dikenali di peringkat antarabangsa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan program-program akademik yang futuristik dan bertaraf dunia. Apa yang perlu semua pihak laksanakan terutama pihak fakulti dan jabatan saya ialah sentiasa peka kepada perubahan persekitaran, pembangunan teknologi dan kehendak masyarakat global. Kita perlu sentiasa berhubung dengan masyarakat global dan sensitif kepada persekitaran. Kurikulum, pengajaran dan pembelajaran perlulah dinamik dan fleksibel demi untuk terus relevan dan sentiasa di hadapan atau mengatasi kehendak masyarakat tersebut. Para pensyarah harus sentiasa berkemahiran membangun dan mengembangkan ilmu serta kemahiran, di samping membina jaringan dalam bidang kepakaran.

Sebagai sebuah organisasi, saya berharap agar semua pihak dapat berusaha dengan lebih kuat dan gigih lagi dalam membawa UMP dikenali di peringkat antarabangsa. Usaha ini harus digemblengkan secara padu serta penuh semangat dan dedikasi dengan setiap warga UMP mempunyai peranannya yang tersendiri.

# Pasangan kembar FKKSA terima ijazah

Pasangan kembar Robiatun Ismail dan Adawiyah Ismail, 24, masing-masing dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak mempunyai rahsia dalam menentukan pencapaian cemerlang mereka dalam pelajaran.

Pasangan itu yang tidak pernah berpisah sejak kecil lagi berhasrat dan bercita-cita untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi sama ada di dalam negara atau luar negara.

Pasangan kembar dari Padang Piol Jerantut tersebut adalah anak kelima dan keenam daripada sembilan orang adik-beradik.

Mereka juga merupakan penerima Anugerah Dekan setiap semester sepanjang tempoh pengajian.

Ketika ditanya mengenai rahsia kejayaan beliau, Robiatun memberitahu yang beliau memang meminati bidang kimia sejak di bangku sekolah lagi.

"Ini mendorong saya untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya ketika sesi pembelajaran di universiti," ujar beliau yang berjaya meraih Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Kelas Pertama dengan CGPA 3.81.

Manakala kembar beliau, Adawiyah bersetuju dengan pernyataan tersebut sambil menambah kesempatan berada bersama di dalam satu universiti adalah satu peluang yang sangat baik.

"Kami tidak pernah berpisah sejak sekolah hingga ke peringkat universiti. Kami lebih

gemar belajar bersama kerana boleh berkongsi masalah dan pendapat.

"Saya yakin usaha bersungguh-sungguh dan restu ibu bapa adalah penawar paling utama ketika berdepan dengan kesulitan sewaktu di universiti."

"Saya sentiasa mendapatkan nasihat ibu dan ayah, rakan-rakan, pensyarah terutamanya ketika di saat menghadapi peperiksaan akhir dan inilah balasan yang kami peroleh selepas bertungkus-lumus sepanjang empat tahun pengajian di UMP," katanya yang berjaya meraih Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Kelas Kedua Tertinggi dengan CGPA 3.62.

## Perkahwinan kami tidak gugat pelajaran – Mohd Azri, Norhayati

Berkahwin ketika masih menuntut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) ternyata bukanlah satu halangan bagi pasangan Mohd Azri Abd. Mutalib, 24, dan isterinya Norhayati Abd. Raub, 24, yang berjaya menamatkan pengajian mereka di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 24 Januari 2009 yang lalu.

Menurut Mohd. Azri, beliau dan isteri nekad untuk mendirikan rumah tangga ketika masih belajar lagi iaitu ketika mereka berada di semester tiga dan akhirnya sah bergelar suami isteri pada 2 Februari tahun lalu.

"Pada awalnya, kami terpaksa menempuh banyak halangan dan cabaran tetapi apa yang penting perkahwinan kami tidak menggugat pelajaran dan akhirnya kami dapat menamatkan pengajian dengan memperoleh ijazah pada hari ini," katanya ketika ditemui sejurus selesai Majlis

*"Kami berdua pernah ditahan pengawal keselamatan kerana menaiki kenderaan berduaan ketika pulang ke universiti selepas berkahwin di kampung".*

Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua UMP di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Mohd Azri yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan & Instrumentasi) manakala Norhayati pula memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia masing-masing menerima ijazah daripada Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah.

Norhayati berkata, beliau dan suaminya kini telah mempunyai pekerjaan tetap di

Subang Jaya dan sedang menanti kehadiran cahaya mata sulung mereka yang dijangka pada Jun ini.

"Kami berdua pernah ditahan pengawal keselamatan kerana menaiki kenderaan berduaan ketika pulang ke universiti selepas berkahwin di kampung."

"Walau bagaimanapun, kami akhirnya dilepaskan selepas pengetua kolej mengesahkan yang kami berdua bukanlah pasangan kekasih tetapi sebaliknya suami isteri," katanya sambil tersenyum ketika menceritakan pengalaman di universiti.

# Program ‘Jom Masuk U’ Pembuka Tirai Aktiviti Promosi Prasiswa 2009



Oleh: ROSILAVI MAT JUSOH

**B**ahagian Pengurusan Akademik (BPA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) membuka tirai aktiviti Promosi Prasiswa 2009 dengan menyertai Program Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2009, bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 16 hingga 18 Januari yang lalu.

Program tahunan itu telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) boleh mendapatkan pelbagai maklumat di Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009 di lapan zon seluruh negara bermula 16 Januari hingga 5 April depan.

Karnival yang disertai oleh semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Agensi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) itu melibatkan program pameran dan juga forum.

UMP juga turut menjadi tuan rumah bagi zon 4 meliputi kawasan Pahang, Kelantan dan Terengganu pada 27 Februari hingga 1 Mac 2009.

Karnival yang bertemakan ‘Kecemerlangan Pendidikan Teras Pembangunan Modal Insan’ dengan slogan ‘JOM MASUK U’ itu berperanan sebagai pusat sehenti mendapatkan maklumat pendidikan tinggi, akreditasi serta pembiayaan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf.

UMP turut mengambil peranan dalam penganjuran program itu dengan menyebar luas maklumat tepat dan terkini mengenai program pengajian yang ditawarkan oleh universiti serta program pengajian baharu kemasukan Sesi Akademik 2009/2010.

Bidang yang diberi fokus dalam program ini ialah Kejuruteraan, Teknologi, Bioteknologi, Sains Asas dan Sains Gunaan bagi memperluaskan lagi bidang dan program pengajian yang akan dipilih oleh pelajar.

Bagi perancangan aktiviti program promosi untuk tahun 2009, BPA telah merancang untuk mengadakan *road show* ke seluruh negara bagi mempromosikan jenama UMP kepada kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti.

# UMP jalin kerjasama dengan 6 universiti luar negara

*"Bentuk-bentuk kerjasama yang dijalankan adalah dari segi keperluan Profesor Pelawat, Penasihat Luar dalam urusan akademik, pertukaran pelajar dari aspek Latihan Industri, pemindahan kredit dan pertukaran budaya serta pertukaran staf akademik.*



Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi mencatat sejarah apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan enam institut pengajian tinggi (IPT) luar negara.

MoU itu merupakan salah satu aktiviti pengantarabangsaan yang merupakan agenda penting yang terkandung di dalam Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2008-2010.

"Susulan daripada beberapa siri lawatan kerja yang diadakan pada tahun 2008, kita telah berjaya mencapai kata sepakat dengan enam universiti tersebut," ujar Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di Hotel Hyatt Regency, Kuantan pada 23 Januari 2009 yang lalu.

Beliau menambah, pengantarabangsaan sesebuah institusi pengajian tinggi adalah amat penting dalam merencana hala tuju sesebuah universiti ke arah universiti bertaraf dunia.

'Untuk itu, katanya, kerjasama ini dianggap sebagai langkah awal UMP untuk memartabatkan lagi kecemerlangan pendidikan dalam usaha menjadikan UMP sebagai hub pendidikan serantau.'

Daing Nasir berkata, menerusi persefahaman tersebut kedua-dua belah pihak antara lain menjalankan kerjasama dalam bentuk akademik dan penyelidikan.

"Bentuk-bentuk kerjasama yang dijalankan adalah dari segi keperluan Profesor Pelawat, Penasihat Luar dalam

urusan akademik, pertukaran pelajar dari aspek Latihan Industri, pemindahan kredit dan pertukaran budaya serta pertukaran staf akademik.

"Selain itu, bentuk-bentuk kerjasama ini juga dapat melahirkan graduan-graduan yang lebih kompeten dan berdaya saing di dalam pelbagai aspek.

"UMP turut boleh berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam pelbagai bidang kepakaran yang akan menguntungkan kedua-dua belah pihak," katanya. Dalam majlis tersebut, UMP telah memeterai MoU dengan dua universiti dari Mesir iaitu Alexandria University dan MISR University of Science & Technology.

Selebihnya adalah empat institut pengajian tinggi dari Ireland iaitu Dundalk Institute of Technology, Athlone Institute of Technology, Institute of Technology Tallaght dan Institut of Technology Carlow.

Majlis bersejarah itu disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib.

UMP diwakili oleh Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, manakala Alexandria University diwakili oleh Profesor Dr. Essam Ahmed Elkordi dan Profesor Dr. Mohammed Rizk.

MISR University of Science & Technology pula diwakili oleh Khaled M.Althoukhy dan untuk Dundalk Institute of Technology, Athlone Institute of Technology, Institute of Technology Tallaght diwakili oleh Dermot Douglas dan Pat Coman. Manakala Institut of Technology Carlow pula diwakili oleh Daivid Deniffe.



# Pelajar Prasiswazah China bangga menuntut di UMP

*“Saya rasa bangga kerana telah terpilih untuk menyambung pengajian di UMP dan saya berharap dapat mendalami ilmu pengetahuan serta budaya masyarakat Malaysia yang unik”.*

-Zhu Zeqin

Seramai 37 pelajar dari negara China yang melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Pahang (UMP) melahirkan rasa gembira mereka kerana dapat belajar di UMP.

Mereka adalah kumpulan sulung pelajar dari negara China yang memulakan pengajian dalam pelbagai bidang seperti Kejuruteraan Automotif dan Pengurusan Teknologi.

Pelajar dari China yang berusia antara 18 hingga 20 tahun itu memilih Malaysia kerana sistem pendidikan yang dianggap terbaik dan budaya yang diamalkan tidak jauh berbeza.

Seorang pelajar berkenaan, Zhu Zeqin, 20, menyatakan ini adalah kali pertama beliau datang ke Malaysia dan beliau begitu teruja dengan keamanan, keindahan dan kebersihan Malaysia.

“Saya rasa bangga kerana telah terpilih untuk menyambung

pengajian di UMP dan saya berharap dapat mendalami ilmu pengetahuan serta budaya masyarakat Malaysia yang unik.

“Saya akan melakukan yang terbaik untuk diri saya dan juga keluarga,” ujar beliau yang akan mengikuti pengajian Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian).

Seorang lagi pelajar yang akan mengikut pengajian Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian yang ditemui, Hai Ling, 19, turut meluahkan rasa gembira dengan pemilihan beliau untuk menyambung pengajian di UMP.

“Saya berharap dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang serta dapat menimba pengalaman-pengalaman berharga yang lain,” ujarnya.

“Malah, saya begitu selesa

berada di negara ini kerana keadaanya aman dan tenteram.

Beliau turut melahirkan rasa selesa dengan setiap kemudahan yang disediakan oleh UMP yang dirasakan begitu efisien. Manakala menurut rakannya, Wong Tao, 20 pula, beliau amat menggemari beberapa masakan Malaysia.

“Masakan di Malaysia amat unik, bagaimanapun ada sesetengah makanan di sini terlalu manis tetapi saya tetap akan menyesuaikan diri,” katanya sambil mengukirkan senyuman.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Sabarudin Mohd, kesemua pelajar-pelajar itu turut mengikuti Minggu Orientasi seperti juga pelajar-pelajar lain selama tiga hari.

“Mereka juga mengikuti pelbagai program termasuk bertemu penduduk kampung di Jaya Gading dalam usaha untuk memperkenalkan budaya hidup masyarakat negara ini,” katanya.



13 January 2009 (Tuesday)  
11:00 am

Banquet Hall, Universiti Malaysia Pahang



## NC rai kedatangan kumpulan pelajar antarabangsa China

*"Saya amat berharap agar pelajar-pelajar antarabangsa ini dapat membantu UMP melangkah setap lagi dalam usaha membawa UMP ke peringkat antarabangsa."*  
*-Naib Canselor*

**N**aib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkesempatan meluangkan masa bagi meraikan pelajar-pelajar prasisiswazah antarabangsa dari China yang telah mendaftar diri pada 12 Januari 2009 yang lalu.

Majlis Resepsi Bersama Naib Canselor itu bertujuan untuk memperkenalkan 37 orang pelajar-pelajar dari negara China tersebut kepada pihak pengurusan, dekan-dekan fakulti dan ketua-ketua jabatan UMP. Dalam majlis ringkas itu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir melahirkan rasa gembira

melihat kumpulan pertama pelajar antarabangsa tersebut yang datang bagi mengikuti Program Prepatory Insentive English (PIE) selama enam bulan.

"Pengambilan pelajar sulung ini adalah satu usaha untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di UMP," ujar beliau.

Sehingga kini, jumlah warga asing yang berada di UMP adalah lebih dari 90 orang yang terdiri daripada staf akademik dan pelajar-pelajar pascasiswazah.

Beliau menambah, angka komuniti antarabangsa akan terus meningkat dalam tahun 2009 ini bagi menyokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau.

Saya ingin mengingatkan kepada para pelajar bahawa staf di UMP amat berbesar hati menerima mereka menjadi sebahagian daripada ahli keluarga UMP dan staf-staf yang ada akan sentiasa bersedia untuk membantu para pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka", ujar beliau.

Di akhir ucapan, Daing Nasir



# UMP terima lawatan dari Universiti Diponegoro, Indonesia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Kejuruteraan Awam, & Sumber Alam (FKASA) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) telah menerima kunjungan rasmi dari Fakultas Teknik, Universiti Diponegoro (UNDIP), Indonesia selama dua hari bermula dari 15 hingga 16 Januari 2009 yang lalu.

Wakil delegasi terdiri daripada Dekan Fakulti Teknik, Ir. Sri Eko Wahyuni, Pembantu Dekan 1, Ir. H. Gambang Pudjianto, Pembantu Dekan II, Ir. Nanny Yuliastuti, Pembantu Dekan III, Ir. Syafrudin dan Pembantu Dekan IV, Ir. H.Bambang Purwangan.

Kehadiran wakil-wakil delegasi ini telah disambut mesra oleh pengurusan FKASA dan FKKSA.

Antara tujuan lawatan ini adalah untuk mengenal pasti bidang serta skop kerjasama dua hala yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak.

Hasil perbincangan awal, secara asasnya, pihak UMP (FKASA & FKKSA) dan UNDIP bersetuju berkenaan cadangan menjalankan kerjasama strategik dua hala yang melibatkan aktiviti pembangunan penyelidikan, pengajaran, pembelajaran, penerbitan, pertukaran staf akademik dan pelajar. Deligasi turut dibawa melawat ke makmal FKASA dan FKKSA.

Satu siri lawatan balas dari UMP ke UNDIP dijangka akan diadakan bagi memeterai perjanjian persefahaman (MoU) sebagai tanda rasmi permulaan kerjasama.

Lawatan ini diharap dapat meningkatkan proses pengantarabangsaan UMP di samping dapat meluaskan jaringan hubungan kerjasama antarabangsa di antara UMP dan institusi pengajaran tinggi luar negara.



melahirkan harapan agar tempoh pengajian mereka di UMP ini dapat memberikan pengalaman dan pengetahuan yang amat berharga dan tidak ternilai.

"Saya amat berharap agar pelajar-pelajar antarabangsa ini dapat membantu UMP melangkah setapak lagi dalam usaha membawa UMP ke peringkat antarabangsa," katanya.

Selain itu, pelajar-pelajar yang ditemui turut melahirkan rasa gembira dan bangga kerana mereka merupakan pelajar perintis dari China yang telah dipilih untuk mengikuti pengajian di UMP.

# UMP terima kunjungan balas Unsyiah Banda Aceh



Pada 28 Februari 2009 baru-baru ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima seramai 30 pelajar dan empat staf daripada Universitas Syiah Kuala (Unsyiah), Banda Aceh.

Kunjungan tersebut yang diketuai oleh Timbalan Rektor, Fakultas Ekonomi Unsyiah, Dr. Ridwan turut disertai empat orang pelajar dan dua pegawai daripada Universiti Malaya (UM).

Kunjungan pada kali ini adalah kunjungan balas memandangkan sebelum ini UMP yang diwakili oleh staf Unit Keusahawanan dan Inovasi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) serta dua orang pelajar telah melawat universiti berkenaan.

Selain itu juga, rombongan ini telah berada di Malaysia sejak 25 Februari yang lalu bagi menjalankan aktiviti bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan UM.

Rombongan ini telah disambut oleh Dekan JHEPA, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham.

Di kesempatan itu juga, ahli rombongan telah dibawa melawat ke gerai pameran di Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur yang turut berlangsung pada hari yang sama.

Menurut Profesor Dr. Abdul Jalil dalam ucapan aluannya semasa sesi taklimat dan ramah mesra, menyeru agar mahasiswa Unsyiah sentiasa

berhubung dengan mahasiswa UMP dalam menjalankan aktiviti pelajar meliputi aspek Keusahawanan, Kepimpinan, Kesukarelaan, Bakti Siswa dan pelbagai aktiviti lain.

Tambah beliau, UMP juga bersemangat bertuah kerana berjaya melibatkan pelajar Unsyiah dalam gerai jualan bersempena Karnival Pengajian Tinggi Negara baru-baru ini.

Satu lot niaga diberikan untuk pelajar tersebut dan antara produk jualan ialah Kopi Aceh, kraftangan, tas tangan wanita, pakaian batik Aceh, t-shirt dan lain-lain.

Menurut Dr. Ridwan, beliau kagum dengan pembangunan kampus UMP walaupun baharu berusia tujuh tahun serta tertarik dengan pelbagai jenis aktiviti yang dijayakan oleh pelajar UMP sehingga ke peringkat antarabangsa.

UMP turut disajikan dengan satu persembahan daripada mahasiswa Aceh yang dinamakan tarian "Llikok Pulo" iaitu sejenis tarian yang disinambungkan dengan lagu yang menceritakan sejarah Aceh serta cerita rakyat berunsur nasihat.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar dan kemudiannya delegasi Unsyiah dibawa ke Bandar Kuantan bagi melawati Pusat Kraftangan, industri kecil sederhana di kawasan Tanjung Lumpur dan melawat perniagaan di Teluk Cempedak.

Kemenangan berganda di Pameran Expo Teknologi Malaysia (MTE) 2009 pada 19 hingga 21 Februari 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur telah dapat membuktikan bahawa para penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) mampu bersaing di peringkat nasional bersama-sama dengan para penyelidik dari pelbagai universiti dan agensi swasta.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kejayaan UMP merangkul anugerah khas itu merupakan yang pertama sepanjang pembabitan UMP dalam MTE apabila salah satu projek penyelidikan memenangi anugerah khas dan pingat emas iaitu daripada bahan buangan industri kepada formulasi gris serbaguna hasil ciptaan Dr. Hayder A. Abdul Bari dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

"Secara keseluruhannya, sebanyak 460 projek penyelidikan telah menyertai pameran ini di mana sebanyak 65 pingat emas, 135 pingat perak dan 200 pingat gangsa telah dianugerahkan kepada projek penyelidikan yang terpilih."

"Pada penyertaan tahun ini, UMP telah menghantar sebanyak 13 penyertaan yang terdiri daripada pelbagai projek penyelidikan dari kesemua fakulti."

"UMP telah berjaya merangkul tiga pingat emas, dua pingat perak dan tujuh pingat gangsa," katanya selepas majlis meraikan kejayaan penyelidik UMP di Dewan Bankuet baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP, Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Dua lagi pingat emas yang berjaya dirangkul adalah melalui projek penyelidikan dari Dr. Ahmed N. Abdella dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) iaitu *Multi-patient DSP Based Arrhythmias Monitoring System using a Reliable Wireless Sensor Protocol* dan Zamzuri Hamedon dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) iaitu *Zapplit (Motorized Cutter for Harvesting Palm Fruit)*.

# UMP cipta sejarah menang Anugerah Khas MTE 2008

Selain itu juga, buat kali pertamanya bagi pameran MTE, booth UMP telah mendapat tempat pertama bagi anugerah booth terbaik bagi kategori *Bare Space Category*.

Tambah beliau lagi, kejayaan ini amat bermakna kepada UMP kerana hampir kesemua projek penyelidikan yang dibawa berjaya mendapat pengiktirafan juri profesional di samping pameran UMP mendapat sambutan yang meriah daripada pengunjung.

"Kejayaan ini juga berjaya mengatasi kesemua universiti berfokus malah turut menewaskan beberapa universiti yang telah lama ditubuhkan.

"Semua hasil penyelidikan itu akan dipaten dan dikomersialkan dengan segera bagi memberi faedah kepada masyarakat," ujar beliau.



Berikut adalah senarai penyelidik yang mendapat pingat:

Bil.	Tajuk Projek	Fakulti	Anugerah
1.	<i>Formulation of High Performance, Multipurpose Grease Using Gypsum from Titanium Dioxide Manufacturing Wastes (From Waste to Wealth)</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	EMAS BEST AWARD
2.	<i>Zapplt (Motorized Cutter for Harvesting Palm Fruit)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	EMAS
3.	<i>Multi-patient DSP Based Arrhythmias Monitoring System using a Reliable Wireless Sensor Protocol</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	EMAS
4.	<i>A Sustainable Drinking Water Supply from Rain Water Harvesting by A Submerged Bio-Membrane Reactor (MEMRAIN)</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	PERAK
5.	<i>A New Technique for Reducing the Pumping Power Losses in Pipelines Carrying High Temperature Liquids Using Minute Quantities of Suspended Solids</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	PERAK
6.	<i>Refurbishment Facade Treatment System (RFTS)</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	GANGSA
7.	<i>Sustainable Production Of Natural Dyes for Textile Product Via Submex</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	GANGSA
8.	<i>Smart Electricity Control System for Lighting/ Air-Conditioners/ Fan (SmECS)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	GANGSA
9.	<i>Wireless Queue Management System (Wi-QMS)</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	GANGSA
10.	<i>UMP Genetic Algorithms Software for Machining of Blow Mould</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	GANGSA
11.	<i>LITTER MANTIS: Short Mobility Electric Scooter Development</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	GANGSA
12.	<i>Development of New Demulsifies for Oil Production</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	GANGSA



# Gris sisa buangan mempunyai potensi dikomersialkan



Dr. Hayder A. Abdul Bari



Hasil kajian Dr. Hayder A. Abdul Bari, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Malaysia Pahang (UMP) Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus mendapati gris daripada sisa-sisa buangan mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Kajian formulasi gris serbaguna yang mendapat Anugerah Khas di Expo Teknologi Malaysia (MTE) 2009 itu dibuat daripada sisa buangan titanium dioksida sejak Julai 2007.

Menurut Profesor Dr. Rosli, kualiti gris yang dihasilkan daripada sisa buangan itu adalah sama dengan kualiti gris jenama terkenal (untuk pesawat), cuma kos bahan yang kami gunakan adalah sangat murah.

"Idea ini tercetus apabila titanium dioksida (serbuk putih) terlalu banyak dan dibiarkan begitu sahaja di seluruh industri terutama dalam industri cat."

*"Idea ini tercetus apabila titanium dioksida (serbuk putih) terlalu banyak dan dibiarkan begitu sahaja di seluruh industri terutama dalam industri cat."*

- Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus

"Kajian dijalankan oleh UMP apabila mendapati sebuah syarikat pengeluar titanium dioksida menguruskan pelupusan bahan buangan iaitu gypsum yang menjangkau kira-kira 500,000 tan setahun hinggakan syarikat terbabit terpaksa membeli tanah hanya untuk menempatkan bahan buangan berkenaan.

"Oleh itu, kami mengambil peluang ini dengan mengambil sisa buangan tersebut untuk mencipta gris yang tahan pada suhu yang tinggi," katanya.

Tambahnya, penyelidikan ini juga bakal dipaten dan UMP juga akan memperuntukkan geran bagi melaksanakan aktiviti prapengkomersialan kajian ini.

Kajian yang diketuai oleh Dr. Hayder A Abdul Bari itu berjaya memanfaatkan gypsum untuk menghasilkan gris yang sama kualiti dengan yang dihasilkan oleh syarikat minyak ternama malah lebih murah kerana ia dihasilkan daripada sisa buangan industri.

**Gunakan air hujan, air bawah tanah**

# Penyelidik UMP bangunkan Sistem Pembekalan Air di Kawasan Luar Bandar



Abdul Shukor Abd. Razak

Masalah bekalan air bersih masih dihadapi penduduk di sesetengah penempatan luar bandar termasuk perkampungan Orang Asli kerana projek penyaluran air terawat ke kawasan berkenaan membabitkan kos tinggi serta tempoh lama disiapkan.

Ketidaaan kemudahan asas itu memaksa penduduk terbabit memanfaatkan sumber air semula jadi sedia ada terutama dari perigi dan hujan untuk kegunaan harian termasuklah memasak serta minuman.

Walaupun air tidak terawat seperti air tадahan hujan yang melalui bumbung zink kelihatan jernih, ia sebenarnya mengandungi bahan asing yang tercemar yang boleh mengakibatkan penyakit kepada pengguna.

Sehubungan itu, sekumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang amat prihatin dengan masalah ini telah membangunkan Sistem Pembekalan Air di Kawasan Luar Bandar (Wasra) menggunakan air hujan dan air bawah tanah.

Penyelidikan yang diketuai oleh Abdul Syukor Abd Razak itu adalah di bawah seliaan Profesor Madya Dr. Abdullah Ibrahim dan turut disertai Suryati Sulaiman, Dr. Zularisam

Ab. Wahid, Zahrizan Zakaria, Aimi Ilmar Ramli, Hasmanie Abdul Halim, Norasman Othman, Shairul Rohaziawati Samat, Kamariah Mat Peah serta Mohd Rashid Ab. Hamid.

Sumber air itu dirawat menggunakan bahan buangan tumbuhan termasuk tandan kelapa sawit dan tempurung kelapa, selain melalui proses osmosis berbalik menerusi membran sebelum disalurkan kepada pengguna.

Menurut Abdul Syukor, menerusi Wasra, pembekalan air bersih dapat dilaksanakan secara optimum yang mampu memberi manfaat kepada kira-kira 2,000 penduduk dengan kos di antara RM 800,000 hingga RM 1.5 juta berbanding jika dilaksanakan menerusi Jabatan Bekalan Air yang menelan belanja antara RM2 juta hingga RM5 juta.

"Sistem Wasra bermula dengan pengumpulan air tадahan hujan dan pengepaman air bawah tanah yang kemudian dirawat menggunakan bahan semula jadi dan tumbuhan iaitu karbon teraktif, tandan serta tempurung kelapa sawit, tempurung kelapa dan pasir.

"Air ini seterusnya melalui proses rawatan osmosis berbalik menggunakan membran yang dibekalkan GE Water & Process Technologies (M) Sdn. Bhd. sebelum disalurkan ke tangki penyimpanan."

"Hanya melalui tiga proses ini, sumber air semula jadi dirawat untuk menghilangkan bau, warna keruh serta menyingkirkan bahan asing supaya bersih dan selamat digunakan," ujarnya.

Abdul Syukor berkata, penyelidikan sejak Mei 2006 itu bermula dengan kajian sosial di Kampung Simpai Pekan, Pahang yang dihuni lebih 2,000 penduduk Orang Asli.

Tambahnya lagi, hasil kajian selama enam bulan itu menunjukkan sejak sekian lama sumber air penduduk kampung berkenaan adalah air tадahan hujan dan perigi.

"Justeru, mereka amat mengharapkan bekalan air bersih bagi kegunaan harian serta mengelakkan penyakit akibat air tercemar.

"Tok Batin Marjan dari kampung ini memberi kerjasama terutama semasa kajian sosial dengan harapan penyelidikan ini dapat menyelesaikan masalah bekalan air bersih bagi penduduk kampung berkenaan serta di kawasan lain.

"Hasil penyelidikan ini juga sudah dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan mereka menyatakan kesediaan bekerjasama termasuk dana bagi membolehkan Wasra dibangunkan di perkampungan Orang Asli," katanya.

*"Tok Batin Marjan dari kampung ini memberi kerjasama terutama semasa kajian sosial dengan harapan penyelidikan ini dapat menyelesaikan masalah bekalan air bersih bagi penduduk kampung berkenaan serta di kawasan lain.*

- Abdul Shukor Abdul Razak

"Setakat ini, Wasra dibangunkan pada skala makmal. Perolehan dana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam tempoh terdekat ini membolehkan ia dilaksana secara rintis sebelum diperluas ke kawasan luar bandar lain hingga peringkat antarabangsa seperti Indonesia," katanya.

Penyelidikan tersebut turut memenangi pingat emas dan Anugerah Khas Presiden Korea Institute of Patent Information di Korea pada tahun lalu.

Ia juga turut menarik perhatian MOSTI yang menawarkan dana RM900,00 bagi membolehkan Wasra dilaksanakan secara rintis di Kampung Simpai Pekan.

## UMP, PASDEC, Hicom Automotive bina jalinan kerjasama akademik, pembangunan penyelidikan dan modal insan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai hubungan kerjasama dengan Pasdec Holdings Berhad dan Hicom Automotive dalam satu majlis bersempena Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Zon Timur di Dataran Canseleri pada 28 Februari 2009 baru-baru ini.

Majlis besar-besaran itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Haji Tun Abdul Razak.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan Pasdec Holdings Berhad menumpukan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan perundingan, pembangunan modal insan dan pembangunan harta tanah di kampus tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan.

Manakala MoU dengan Hicom Automotive Manufacturers Sdn. Bhd. pula adalah dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan modal insan.

Hadir sama Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Haji Yaakob.

UMP diwakili oleh Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Sementara itu, pihak Hicom Automotive Manufacturers Sdn. Bhd. pula diwakili oleh Pengurus Hicom Automotive Sdn. Bhd., Yang Berbahagia Dato' Syed Mohamad Syed Murtaza dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abdul Rashid Musa.

Manakala pihak Pasdec Holding Berhad diwakili oleh Pengurusnya, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob dan Pengarahnya, Yang Hormat Dato' Haji Lias Mohd. Noor.



## UMP, UniKL jalin kerjasama menerusi EPDE

oleh: MOHD AYEOB ABDUL RASHID

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menjalin kerjasama dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) bagi melatih staf UniKL khususnya staf akademik menerusi program English For Professional Development of Educators (EPDE).

Program itu adalah satu program yang dibangunkan khusus untuk Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan didaftarkan di bawah skim PROLUS (Program Yang Diluluskan).

Di bawah skim itu, bantuan latihan penuh (100%) diberikan kepada majikan yang menghantar pekerja mereka untuk mengikuti latihan.





Dengan jumlah levi yang dicarum oleh UniKL, para peserta dari UniKL akan mengikuti beberapa siri kursus sepanjang tahun 2009 ini.

Siri kursus yang pertama dijangka akan diadakan pada bulan April ini di Kuala Lumpur.

Di samping itu, UMP dan UniKL turut bersetuju untuk meneroka peluang-peluang lain bagi faedah dan manfaat kedua-dua belah pihak.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus, Pengarah Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Mohammad Rozi Hassan, Pengarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Nor Ashikin Abd Aziz dan juga Pengurus Besar UMP Holdings Sdn.Bhd., Mohamad Nazri Musir.

Manakala UniKL diwakili oleh Pengerusi Lembaga Pengaruhnya, Y.H Dato' Rais Zainuddin, Presiden, Profesor Dato' Dr. Abdul Hakim Juri, Timbalan Presiden (Akademik & Teknologi), Profesor Dr. Mohamad Azemi Mohamad Nor dan beberapa pegawai atasan UniKL yang lain.

## UMP lakar kejayaan komersialkan perisian e-Pengurusan bersepadu



**U**niversiti Malaysia Pahang (UMP) terus melakar kejayaan di bidang Teknologi Maklumat menerusi satu memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai anak syarikatnya, UMP Holdings Sdn. Bhd. dengan enam buah syarikat pembekal perisian terpilih.

Menerusi perjanjian itu, UMP akan membangunkan dan mengkomersialkan sistem pengurusan elektronik bersepadu iaitu *e-Management Enterprise Solution* yang mampu meningkatkan keupayaan operasi sesebuah organisasi secara efisien.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Casa Inovasi Sdn. Bhd. Encoral Digital Solutions Sdn. Bhd., Maxima Systems Consultans Sdn. Bhd., Fifway System Sdn. Bhd., MH Equal Management Century Software Sdn. Bhd.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, menerusi sistem itu penggunaan bahan cetak terutama kertas dapat dijimatkan sekali gus mengurangkan kos operasi sesebuah organisasi.

"Sistem ini dibangunkan oleh sekumpulan tenaga pakar UMP sejak beberapa tahun yang lalu.

"Ini merupakan titik permulaan ke arah memperkuatkannya hubungan dan kerjasama antara UMP dengan pihak syarikat dalam menyokong pembangunan bidang mikroelektronik negara," katanya ketika berucap di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di Dewan Bankuet UMP pada 29 Januari 2009 yang lalu.

Pada majlis itu, UMPH Sdn. Bhd. diwakili Pengerusinya, Yang Hormat Dato' Seri Abdul Aziz Abdul Rahman manakala keenam-enam syarikat diwakili oleh Pengarah masing-masing iaitu Casa Inovasi, Mejar (B) Ahmad Tahir Mohd Said, Encoral Digital, Azman Hussin, Maxima System Consultans, Khir Azizan Abdul Rahman, Fifway Systems, Mohd. Fazmir Othman, MH Equal Management dan Mohd Akob Ahmad, Century Software.

Tambah Dato' Dr. Daing Nasir lagi, sistem *e-Management Enterprise Solution* itu pernah memenangi Anugerah Perdana Menteri anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2004.

"Saya yakin ia bakal menjadi detik yang amat penting dalam sejarah pembangunan industri IT negara," ujarnya.

Sementara itu, Dato' Seri Abdul Aziz dalam ucapannya berkata perisian yang ditawarkan itu amat dinamik kerana dapat menjimatkan penggunaan kertas.

"Kami mencadangkan penggunaan perisian ini untuk organisasi yang mahu menjalankan operasi syarikat dengan lebih cekap, teratur dan konsisten.

"Konsep perisian ini mampu menghasilkan produk mikroelektronik yang mempunyai permintaan dalam pasaran," katanya.



Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mencapai kata sepakat dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. untuk bekerjasama dalam meningkatkan peluang pelajar-pelajar mendapat tempat ketika Latihan Industri (LI).

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato` Dr. Daing Nasir Ibrahim, dalam ucapan aluannya berkata, MoU ini adalah salah satu usaha UMP untuk membangunkan satu pertalian strategik dalam mengendalikan satu kaedah LI yang lebih berkesan dan cekap.

“Ini adalah sebagai satu nilai tambah kepada para pelajar kerana UMP mengharapkan sebahagian daripada pelajar-pelajarnya dapat ditempatkan di beberapa syarikat gergasi dan multinasional,” ujar beliau.

Beliau menambah, MoU ini bukan bertujuan untuk menyerahkan tugas mendapatkan tempat LI kepada pihak ketiga tetapi ia lebih kepada satu jalinan usaha sama yang akan dapat mempromosikan pelajar-pelajar UMP dari segi kualiti, kecekapan dan kemahiran. Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Ketua Eksekutif, Yang Berbahagia Datin Paduka Juma'ah Mokhtar turut melahirkan rasa gembira dengan jalinan usaha sama ini.

“Pertalian yang dibina sejak tahun 2006 ini telah disimpulkan dengan satu perjanjian yang lebih bermakna.

“Melalui perjanjian ini para penyayahan akan mendapat lebih manfaat kerana mereka boleh mengakses ke portal Jobmarket Malaysia dengan lebih mudah untuk memantau pelajar-pelajar yang sedang melakukan LI,” tambah

Datin Paduka Juma'ah Mokhtar.

Beliau berkata, para pelajar bukan sekadar mendaftar nama ke dalam portal Jobmarket Malaysia dengan bayaran minimum RM12 tetapi mereka turut berpeluang untuk mendapatkan tempat yang terbaik untuk LI sekiranya mereka dapat mempromosikan diri mereka dengan cara yang betul.

Jelasnya, pihak Jobmarket Malaysia akan berusaha untuk menyediakan satu slot penerangan kepada para pensyarah tentang bagaimana portal Jobmarket Malaysia ini berfungsi dan dapat membantu mereka dari aspek penilaian terhadap pelajar dan juga syarikat yang menempatkan pelajar tersebut.

“Kita juga berharap dengan jalinan usaha sama ini ia dapat membantu para pelajar bukan sahaja dari segi penempatan tetapi termasuk aspek-aspek penting yang lain seperti kemahiran berkomunikasi dan tahap keyakinan diri yang menjadi salah satu daripada faktor penting dalam usaha mendapatkan peluang penempatan,” tambah beliau sebelum mengakhiri ucapan.

Majlis ringkas tersebut telah menyaksikan satu MoU ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. UMP diwakili oleh Yang Hormat Profesor Dato` Dr. Daing Nasir Ibrahim dan disaksikan oleh Mohd Fadzil Faisae Ab Rashid selaku Ketua Program Latihan Industri. Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. pula diwakili oleh Yang Berbahagia Datin Paduka Juma'ah Mokhtar selaku Ketua Eksekutif dan disaksikan oleh How Ming Hsa selaku Ketua Pegawai Teknologi.

# UMP meterai MoU bersama Jobmarket Malaysia

*“Pertalian yang dibina sejak tahun 2006 ini telah disimpulkan dengan satu perjanjian yang lebih bermakna,”*  
- Datin Paduka Juma'ah Mokhtar



# 1,500 pelajar UMP kutuk serangan rejim tentera Israel

*"Kita mungkin tidak berupaya untuk pergi berjuang di medan peperangan untuk mempertahankan mereka, namun kita mempunyai kekuatan dari segi kekayaan harta benda yang dikurniaan Allah SWT kepada kebanyakan negara Islam," - Naib Canselor*

Hampir 1,500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai demonstrasi secara aman sebagai bantahan kekejaman yang dilakukan oleh rejim tentera Israel ke atas rakyat Palestin di Gaza.

Perhimpunan anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) itu diadakan di perkaranan Masjid UMP selepas selesai solat Jumaat pada 9 Januari 2009 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata,

tujuan perhimpunan itu adalah untuk mengutuk sifat tidak berperikemanusiaan rejim Israel yang terus menzalimi bumi Palestin sejak 61 tahun yang lalu.

"Pelajar UMP harus berasa tercabar apabila melihat penderitaan yang dialami rakyat Palestin dan merenung kembali peranan dimainkan bukan sahaja penuntut tetapi sebagai pemimpin masa depan.

"Kita mungkin tidak berupaya untuk pergi berjuang di medan peperangan untuk

mempertahankan mereka, namun kita mempunyai kekuatan dari segi kekayaan harta benda yang dikurniaan Allah SWT kepada kebanyakan negara Islam.

"Oleh itu, Tabung Air Matamu Palestin yang dilancarkan ini adalah manifestasi tenaga dan komitmen seluruh warga UMP yang akan mengumpul dana bagi membantu rakyat Palestin," ujarnya.

Beliau memberitahu, siri serangan terbaru yang hampir memasuki minggu ketiga, angka kematian rasmi kini mencecah 600 orang. Namun, katanya, dipercayai bahawa angka kematian berjumlah lebih 2,000 orang membabitkan orang awam seperti kanak-kanak, wanita, orang tua yang tidak berdosa.

"Besar atau kecil sumbangan yang dihulurkan bukanlah merupakan satu isu, apa yang

lebih penting ialah keikhlasan kita untuk membantu rakyat Palestin untuk meringankan penderitaan mereka.

"Marilah kita sama-sama berdoa semoga rakyat Palestin diberikan kekuatan untuk menghadapi dugaan dengan tabah dan seterusnya memerdekakan bumi Palestin daripada pencerobohan serta penindasan," katanya.

Dalam majlis yang sama, Yang di-Pertua MPP, Mohamad Suffi Kamari berkata, demonstrasi itu bukan bersifat retorik semata-mata namun ia sebagai komitmen seluruh pelajar UMP.

"Kami bertanggungjawab terhadap negara Islam yang sering ditindas. Malah kami juga peka dengan isu atau masalah yang berlaku di sekeliling kami, tidak sahaja di dalam Malaysia malah di peringkat global," katanya.





01

**SEDIAYA...** Peserta bersiap sedia sebelum memulakan jelajah Berbasikal dari Pekan - Kuantan - UMP.



02

**BANGGA...** Abdul Syukor A bd Razak, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam tersenyum di samping sijil dan piala yang dimenangginya di MTE 2008.



03

**CEMERLANG...** Kegembiraan pelajar-pelajar jelas terpancar di wajah masing-masing sempena Majlis Konvokesyen Ke-3 Sidang Kedua UMP Universiti Malaysia Pahang.



04

**ANGGUN...** Para setiausaha UMP yang ayu dan bergaya bergambar kenangan sempena Kolokium Kesetiausahaan UMP



10

**TAKLIMAT...** Para peserta bengkel mendengar kata alu-aluan daripana Naib Canselor.



05

**Naib Canselor UMP**, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyerahkan sumbangan ikhlas dari UMP untuk Tabung Dana Kemanusiaan Palestin (DAKAP) kepada Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.



06

**MENDAYUNG...** Para peserta berakit begitu bersemangat waja mendayung rakit untuk sampai ke destinasi.



06

**MEMUKAU...** Ceramah daripada Dr. HM Tuah Iskandar al-Haj yang memukau hati penonton pada Program Pengukuhan Organisasi UMP.



07

**KHUSYUK...** Sebahagian pelajar UMP khusyuk mendengar ceramah sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat UMP.



08

**MANTAP...** Barisan pelakon harapan UMP.



10

**BOIKOT ISRAEL...** Para pelajar UMP berhimpun secara aman dalam menentang kekejaman Israel terhadap Palestin.



# Prestasi universiti sentiasa dipantau

*“Ini adalah untuk memastikan Ketua-Ketua Jabatan dan semua staf bekerja berpandukan arah dan matlamat yang jelas,”*

- Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim

Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sepakat membangunkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) untuk dijadikan sebagai panduan dalam merencana perancangan dan operasi di setiap peringkat jabatan dalam universiti.

SKT adalah sebagai sumber rujukan bagi membantu pegawai di setiap peringkat dalam organisasi menetapkan sasaran kerja tahunan.

Lainnya bermula dengan penggubalan perancangan tahunan organisasi, penyediaan rancangan kerja di peringkat jabatan/bahagian/unit dan seterusnya di peringkat penyediaan program, aktiviti serta tindakan kerja.

Kesepakatan dalam membangunkan SKT itu dicapai dalam Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang diadakan pada 13 hingga 15 Februari 2009 yang lalu di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Objektif utama bengkel adalah bagi melakukan semakan dan analisis terhadap prestasi universiti melalui pelaksanaan dan pencapaian strategi dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Strategik UMP bagi tahun 2008.

Semua sasaran dan KPI yang ditetapkan juga dilaporkan kepada Naib Canselor semasa bengkel berlangsung.

Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, operasi UMP mestilah berdasarkan kepada perancangan dan hala tuju yang telah ditetapkan.

“Ini adalah untuk memastikan Ketua-Ketua Jabatan dan semua staf bekerja berpandukan arah dan matlamat yang jelas.”

“Selain itu, kita akan nampak objektif sesuatu kerja, bersikap adil dan telus dalam mempertingkatkan produktiviti kerja staf dan universiti secara keseluruhannya,” katanya.

Tambah beliau, dalam memantapkan SKT universiti, kekangan dan masalah yang dihadapi dalam usaha untuk merealisasikan strategi, projek atau program dan KPI diambil maklum oleh pihak pengurusan universiti.

“Pihak pengurusan universiti akan memastikan sumber yang mencukupi dan bersesuaian diberikan kepada jabatan-jabatan bagi memastikan sasaran yang tidak dapat dicapai pada tahun lalu dicapai pada tahun ini,” ujar beliau lagi ketika menyampaikan ucapan perasmian di hadapan kira-kira 41 orang peserta bengkel.

Turut hadir ialah Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan.



Oleh: ZAINAL HJ BAHARI

Patut Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang telah dilantik oleh Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) sehingga kini telah melatih 148 orang pekerja dari Industri Kecil & Sederhana (IKS).

Program yang diberi nama *Skills Upgrading Programme* itu melayakkan CENFED menerima geran latihan tahunan daripada SMIDEC bagi melatih pekerja-pekerja IKS menerusi 34 program yang diluluskan. Di bawah program itu, 80% daripada yuran latihan adalah dibiayai oleh SMIDEC.

Objektif program adalah bagi meningkatkan kemahiran pekerja IKS agar kemahiran mereka dapat dipertingkatkan di samping membantu kepada pertumbuhan dan daya saing syarikat.

Syarat kelayakan untuk mengikuti program ini adalah seperti berikut:

- i. Syarikat di dalam sektor perkilangan (termasuk atas tani) dan perkhidmatan berkaitan yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta atau jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang; dan
- ii. Syarikat di dalam sektor perkhidmatan (termasuk ICT) yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi 5 juta atau jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 50 orang.

Menurut Pengarah CENFED, Mohammad Rozi Hassan, permintaan terhadap kursus ini amat

# CENFED bantu IKS menerusi *SMIDEC-SKILLS Upgrading Programme*



menggalakkan sehingga CENFED terpaksa menolak beberapa permintaan daripada IKS yang berminat kerana jumlah geran latihan yang diperuntukkan terhad.

“CENFED akan membuat permohonan kepada SMIDEC untuk menambah jumlah geran latihan yang diperuntukkan.

“Untuk program yang akan datang, pihak kami telah menerima pengesahan untuk menjalankan lima siri kursus daripada satu IKS di Pulau Pinang dengan jumlah penyertaan seramai 125 orang.

“Sehubungan itu, CENFED amat mengalu-alukan IKS/PKS agar dapat menggunakan peluang yang disediakan oleh kerajaan khususnya menerusi geran latihan SMIDEC ini,” katanya. Di samping itu juga, CENFED turut menawarkan program-program lain seperti kursus jangka pendek, program Diploma Eksekutif, program khidmat komuniti dan program-program pembangunan profesional.

Program yang ditawarkan merupakan program yang berdaftar dan diiktiraf oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Perbadanan Industri Kecil & Sederhana (SMIDEC).

Selain itu, CENFED merupakan penyedia latihan kelas ‘A’, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Sejak penubuhannya pada tahun 2004, CENFED telah melatih hampir 3,000 orang peserta.

Senarai program yang diluluskan adalah seperti berikut:

KOD	KURSUS	*YURAN SMIDEC (RM)	HARI
SMI 01	<i>Finance For Non-Financial Manager</i>	100	3
SMI 02	Kursus Penyediaan Rancangan Perniagaan	60	2
SMI 03	Kursus Asas Usahawan Berjaya	60	2
SMI 04	<i>Microsoft Office Training Course</i>	80	2
SMI 05	<i>Excellence In Frontline Management</i>	150	3
SMI 06	<i>Mission Critical Risk Management</i>	100	2
SMI 07	<i>Power Speaker Course</i>	60	2
SMI 08	Bahasa Arab Komunikasi Untuk Profesional	100	3
SMI 09	<i>Safety And Health Committee</i>	120	2
SMI 10	<i>Confined Space</i>	100	2
SMI 11	<i>Safety And Health Officer Programme</i>	800	22
SMI 12	<i>Strategic Planning Course</i>	150	3
SMI 13	<i>Supervisory Skills Course</i>	100	2
SMI 14	<i>Project Management Using MS Project 2000</i>	100	2
SMI 15	<i>Visio 2002 Professional (Introduction)</i>	100	2
SMI 16	<i>A Solutions Finding &amp; Decision Making For Result Program</i>	100	2
SMI 17	OSH Act 1994	120	2
SMI 18	<i>Basic OSH Management</i>	120	2
SMI 19	<i>Web Page Development</i>	120	3
SMI 20	<i>Computer Repair And Maintenance (CRAM)</i>	100	2
SMI 21	<i>Negotiation Skills For Manager</i>	100	2
SMI 22	<i>Magnetic Particle Testing and Penetrant Testing- ASNT Course Package</i>	560	6
SMI 23	<i>Ultrasonic Testing, Magnetic Particle Testing, Penetrant Testing and Radiographic Interpretation - ASNT Course Package</i>	1760	22
SMI 24	<i>Marketing Communication</i>	80	2
SMI 25	<i>Advertising Branding Strategies</i>	80	2
SMI 26	<i>Communicative Mandarin for Workplace</i>	80	2
SMI 27	<i>Marketing For SMIs/SMEs</i>	80	2
SMI 28	<i>Business Law for Entrepreneurs</i>	120	2
SMI 29	<i>Entrepreneurs Project Management</i>	120	2
SMI 30	<i>Ultrasonic Testing, magnetic Particle Testing and Penetrant Testing</i>	1320	17
SMI 31	<i>Total Quality Management for SMI/SME</i>	120	3
SMI 32	<i>Practical Sales Management Techniques</i>	120	2
SMI 33	<i>Lean Management for Entrepreneurs</i>	120	2
SMI 34	<i>Business Promotional Strategies for Entrepreneurs</i>	120	2

# CENFED anjur Program Khidmat Komuniti

Oleh: ZAINAL HAJI BAHARI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) kini sedang giat melaksanakan satu program yang dinamakan Program Khidmat Komuniti.

Pengajuran program ini adalah selaras dengan Teras Keenam Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi iaitu semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini perlu memberi perhatian kepada penawaran program pendidikan sepanjang hayat.

Sasaran program ini adalah pada Jabatan Kerajaan, pihak industri dan usahawan-usahawan kecil dan sederhana.

Ini sekaligus dapat memberikan manfaat kepada masyarakat hasil daripada kewujudan sebuah pusat pengajian tinggi di Pantai Timur.

Pada tahun 2008, seramai 306 orang telah mengikuti program



ini dan pada tahun 2009 dijangkakan seramai 700 orang peserta akan mendapat faedah daripada program ini.

CENFED menerima lebih dari 70 program permohonan daripada agensi kerajaan dan swasta walaupun sasaran yang ditetapkan hanyalah 15 program sahaja bagi tahun ini.

Namun, melihat kepada permintaan yang begitu tinggi dan hasrat universiti untuk membantu dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat setempat, pihak pengurusan CENFED bersetuju untuk menawarkan sehingga 30 program untuk dijalankan pada tahun ini berbanding sasaran

awal iaitu hanya 15 program sahaja.

Menurut Pengarah CENFED, Mohammad Rozi Hassan, yang menariknya tentang program ini adalah ianya tiada yuran yang dikenakan, boleh dijalankan sama ada di UMP atau secara *in house training*.

“Tenaga pensyarah adalah dengan menggunakan kepakaran universiti dan setakat ini maklum balas yang diterima oleh CENFED adalah amat memuaskan.

“Kebanyakan agensi mengharapkan agar program sebegini diteruskan kerana mereka merasakan mereka

mendapat faedah secara langsung hasil daripada kewujudan pusat pengajian tinggi di tempat mereka,” katanya.

Antara organisasi yang terlibat dalam program khidmat komuniti bagi tahun 2009 ini adalah Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Jabatan Kimia Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pahang, dan beberapa agensi lain termasuk pihak swasta.

Mohammad Rozi memberitahu, UMP berharap dengan adanya Program Khidmat Komuniti ini ia dapat membantu kerajaan dan masyarakat dalam membangunkan modal insan menjelang Wawasan 2020.

Justeru, sebarang pertanyaan berhubung Program Khidmat Komuniti ini, sila hubungi CENFED melalui talian 09-549 2086 atau e-Mel cefed@ump.edu.my

UMP  
laksana  
amalan  
5S

“Amalan 5S yang dilaksanakan ini mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti dalam organisasi, menentukan kepatuhan kepada piawaian serta memupuk usaha penambahbaikan yang berterusan,”  
- Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim

Oleh: HAZMIN ARIS

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencipta sejarah apabila diiktiraf sebagai universiti pertama melaksanakan amalan 5S dalam sistem pengurusannya oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, 5S (seiri, seiton, seiso, seiketsu dan shitsuke)

atau sisih, sapu susun, seragam dan sentiasa amal itu merupakan kaedah pengurusan yang diamalkan oleh syarikat-syarikat di Jepun.

“Amalan 5S yang dilaksanakan ini mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti dalam organisasi, menentukan kepatuhan kepada piawaian serta memupuk usaha penambahbaikan yang berterusan.

“Budaya penambahbaikan berterusan perlu diterapkan

# UMP tuan rumah Mesyuarat Ke-25 Jawatankuasa TNC (A & A)



Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipilih menjadi tuan rumah Mesyuarat ke-25 Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Rektor (Akademik & Antarabangsa) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Bil. 1/2009 pada 28 Februari 2009 baru-baru ini.

Mesyuarat yang telah diadakan di Hotel M.S Garden, Kuantan itu merupakan mesyuarat berkala yang melibatkan semua Timbalan-Timbalan Naib Canselor/ Rektor (Akademik & Antarabangsa) seluruh IPTA di Malaysia bagi membincangkan mengenai hal-hal akademik dan pengantarabangsaan universiti.

Universiti Malaya (UM) merupakan urus setia bagi jawatankuasa ini. Mesyuarat itu juga diadakan bersempena dengan Majlis Perhimpunan Warga UMP Bersama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur pada sebelah paginya.

Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Rektor (Akademik & Antarabangsa), pegawai Kementerian Pengajian Tinggi dan pembentang kertas kerja hadir dalam majlis ini.

Mesyuarat turut diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Sektor IPTA), Jabatan Pengajian Tinggi, Yang Berbahagia Datuk Profesor Mohd Yusof Kassim.

dalam perkhidmatan awam bagi mempertingkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan," katanya lagi.

Daing Mohd. Nasir berkata, pengiktirafan daripada MPC itu dinilai dalam beberapa aspek seperti sistem fail, pengurusan setor dan inventori yang sistematik serta mengoptimumkan penggunaan ruang yang terhad di pejabat dan makmal.

Selain itu, kata beliau, pengiktirafan diambil kira

daripada segi persekitaran kerja yang kondusif, bersih, ceria dan sistematik, pengurusan peralatan yang lebih cekap serta pengurusan stok yang lebih berkesan.

"Kaedah dan piawaian kerja yang lebih jelas dan persekitaran kerja yang selamat adalah selari dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994. Ia juga berkaitan imej positif kepada pelanggan dalaman dan luaran yang berurus dengan jabatan tersebut," katanya.

Beliau berkata, kejayaan UMP memperoleh persijilan Amalan 5S adalah hasil daripada komitmen dan kesungguhan staf universiti mengamal dan membudayakan kaedah itu secara konsisten sejak setahun yang lalu.

"Staf berjaya mengenal pasti dan mengurangkan pembaziran di tempat kerja, meningkatkan keberkesanan menjalankan operasi dan meningkatkan semangat kerja berkumpulan," ujarnya.

Daing Mohd. Nasir memberitahu, antara jabatan yang memperoleh persijilan Amalan 5S (Persekutuan Kerja Berkualiti) ialah Pusat Pembangunan Staf Akademik (ASDC), Jabatan Bendahari, Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH).

# Warga UMP sambut Maulidur Rasul dengan penuh penghayatan



*"Program seumpama ini akan terus diadakan dari semasa ke semasa sebagai usaha untuk mewujudkan hiburan bermesaj murni dan menerapkan nilai teras di kalangan warga UMP,"*  
*-Ustaz Mohamad Hazmi Dibok*

**S**eperti kelaziman, umat Islam di seluruh dunia akan menyambut hari sempena keputeraan Rasulullah SAW pada 12 Rabiulawal setiap tahun.

Berbagai acara dan aktiviti diadakan bagi meraikan sambutan Maulidur Rasul. Antara acara-acara dalam sambutan Maulidur Rasul ialah perarakan, syarahan, forum, marhaban dan jamuan di peringkat kampung sehingga ke peringkat kebangsaan.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI) dengan kerjasama Sahabat Masjid (SAHAM) dan Kelab Kebudayaan & Kesenian UMP telah mengadakan Malam Penghayatan Maulid Ar-Rasul 1430H/2009 peringkat UMP bertempat di Masjid dan Astaka UMP pada 14 Mac 2009 yang lalu.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Agama UMP, Ustaz Mohamad Hazmi Dibok, sambutan Maulidur Rasul diadakan untuk mengembalikan ingatan kita umat akhir zaman terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

"Dengan mengingatnya akan menambahkan lagi perasaan cinta kasih kepadanya dan mengenang, menghargai

serta mengambil iktibar kisah suka duka perjuangannya.

"Manakala Malam Penghayatan Maulid Ar-Rasul pula bertujuan untuk menggerakkan kesedaran hidup beragama di kalangan warga UMP dengan meneladani sunnah Rasulullah SAW melalui pelbagai medium kreatif.

"Program seumpama ini akan terus diadakan dari semasa ke semasa sebagai usaha untuk mewujudkan hiburan bermesaj murni dan menerapkan nilai teras di kalangan warga UMP", katanya.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengarah PIPI, Ustaz Zuridan Mohd. Daud dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Mohamad Suffi Kamari.

Seramai lebih 500 orang pelajar dan staf universiti hadir dalam program tersebut yang bermula seawal jam 10.00 pagi dengan aktiviti gotong-royong memasak oleh staf dan pelajar UMP.

Seekor lembu untuk ibadah akikah disumbangkan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Dr. Rosli Abu Bakar bagi menu jamuan kepada

seluruh warga UMP.

Aktiviti dimulakan dengan tayangan filem Ar-Risalah yang menceritakan tentang sirah Rasulullah SAW di antara waktu Maghrib dan Isyak di masjid UMP.

Selepas itu, lebih kurang jam 9.00 malam para hadirin berarak beramai-ramai sambil melaungkan selawat bermula daripada Masjid hingga ke Astaka UMP.

Aktiviti kemuncak pada malam tersebut ialah persembahan hiburan bermesaj yang disertai oleh beberapa kumpulan nasyid dan persembahan teater serta sajak.

Antara kumpulan nasyid jemputan ialah kumpulan Munada dari Kolej Antarabangsa Institut Kemahiran ikhtisas Pahang, kumpulan As-Syifa dari Sekolah Menengah Islam Al-Irsyad, kumpulan Irsyadi dari Kolej Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah di samping kumpulan nasyid dari UMP iaitu kumpulan Imtiyaz dan Imtinan.

Persembahan pada malam tersebut turut dimeriahkan dengan penyertaan kumpulan Teater Senandika, Kelab kebudayaan & Kesenian UMP yang mempersembahkan drama, sajak dan dendangan nasyid.

# Warga UMP sumbang kali kedua bantu Palestin

*“Saya merasa bangga dengan semangat persaudaraan yang ditunjukkan oleh warga UMP.*



Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini telah menyumbang buat kali kedua untuk Tabung Dana Kemanusiaan Palestin (DAKAP) anjuran Kumpulan Utusan dan Islamic Relif Malaysia (IRM).

Kutipan kilat selama dua jam itu berjaya mengumpul sebanyak RM3,853 dari seluruh warga UMP yang hadir di Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor 2009 di Kompleks Sukan UMP pada 2 Februari 2009 yang lalu.

Sumbangan itu adalah sumbangan buat kali kedua di mana bulan lalu warga UMP menyerahkan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Gaza.

Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, seluruh warga UMP berasa amat simpati ke atas nasib dan kesengsaraan rakyat Palestin akibat tindakan kejam Israel.

“UMP perlu buat apa yang boleh dan inilah yang mampu universiti lakukan.

“Saya merasa bangga dengan semangat persaudaraan yang ditunjukkan oleh warga UMP.

“Sebenarnya, sumbangan ini tidaklah seberapa jika dibandingkan dengan penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin yang menjadi mangsa keganasan tentera rejim Zionis ketika ini,” katanya.

Beliau menambah, sumbangan itu hanyalah ibarat setitis air di lautan jika hendak dibandingkan dengan kesengsaraan yang mereka alami sehingga ada yang hilang anggota keluarga dan juga sahabat handai.

Jelasnya, rakyat Palestin kini amat memerlukan sumbangan dari segi perubatan, makanan, pakaian dan sebagainya.

Beliau seterusnya melahirkan rasa kecewanya dengan sikap masyarakat antarabangsa yang hanya bertindak selepas kemusnahan berlaku ke atas penduduk Pelestin.



# 310 graduan UMP dirai dalam Majlis Minum Petang Alumni

OLEH: PARIDAH MOHD ALI

Seramai 310 orang graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diraikan dalam Majlis Minum Petang Alumni sempena Majlis Konvoikesyen Ke-3 Sidang Kedua, UMP pada 23 Januari 2009 yang lalu.

Majlis anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dengan kerjasama Persatuan Alumni UMP itu bertujuan meraikan kejayaan para graduan, di samping memperkenalkan Jawatankuasa Persatuan Alumni UMP yang baharu dilantik pada bulan November tahun lalu.

Selain itu, di majlis ini para alumni UMP berpeluang beramah mesra dengan Naib Canselor UMP, Yang Hormat

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim sekaligus mendengar ucapan beliau semasa acara perasmian.

Turut hadir Dekan JHEPA, Profesor Dr. Abd. Jalil Borham.

Serentak dengan Majlis Minum Petang Alumni ini, satu tabung khas yang dinamakan Tabung Alumni Prihatin telah dilancarkan Naib Canselor.

Tabung itu adalah pemangkin dana untuk Persatuan Alumni membantu pihak yang memerlukan, sama ada warga UMP atau masyarakat luar.

Sebahagian hasil kutipan akan didermakan kepada mangsa perang Palestin.

# JHEPA anjur Seminar Keusahawanan “Mengetahui Rahsia Bisnes Orang Cina”

Buat julung kalinya, Unit Keusahawanan & Inovasi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Seminar Motivasi Keusahawanan “Mengetahui Rahsia Kejayaan Bisnes Orang Cina” di Dewan Bankuet UMP pada 4 Februari 2009 yang lalu.

Seminar sehari itu telah mengundang Ann Wan Seng @ Ann Abdullah seorang penceramah bebas yang berpengalaman dalam menulis lebih daripada 30 buah buku-buku berkaitan keusahawanan untuk berkongsi pengalaman beliau sebagai pengkaji kejayaan bisnes di kalangan orang Cina.

Menurut Ann Wan Seng antara sebab orang Cina boleh berjaya dalam bidang perniagaan adalah sifat saling membantu antara satu sama lain yang amat utuh tanpa menyimpan dendam antara mereka kerana mereka menanamkan sifat ingin melihat kaum sesama mereka berjaya.

“Selain itu, orang Cina juga sering mencari dan mengambil peluang pasaran yang tidak pernah difikirkan oleh orang lain, di samping tidak gentar dengan risiko yang bakal dihadapi oleh mereka kerana bagi mereka risiko adalah asam garam dalam dunia perniagaan,” katanya.

Sepanjang lebih dua jam ceramah beliau, para peserta amat khusyuk mendengar celoteh beliau kerana cara penyampaian beliau bercerita dengan bersahaja membuatkan peserta mudah untuk menerima.

Selain itu, cerita-cerita yang disampaikan juga turut mencuri perhatian siapa sahaja yang mendengar.

Seramai hampir 300 peserta telah mengikuti seminar tersebut yang mana terdiri daripada staf dan pelajar UMP serta pelajar-pelajar dan pegawai dari beberapa institusi pengajian tinggi sekitar Kuantan seperti Kolej Shahputra, Universiti Teknologi MARA, (UiTM) Kuantan, UiTM Jengka, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga Kolej Matrikulasi Pahang.

Diharapkan dengan perkongsian ini, ia dapat menaikkan semangat dan minat para peserta terhadap bidang perniagaan dan terus berusaha untuk terus maju.

*“Selain itu, orang Cina juga sering mencari dan mengambil peluang pasaran yang tidak pernah difikirkan oleh orang lain, di samping tidak gentar dengan risiko yang bakal dihadapi oleh mereka kerana bagi mereka risiko adalah asam garam dalam dunia perniagaan,”*  
- Ann Wan Seng



# Pesta Tahun Baharu Cina disambut meriah

OLEH: MOHD ZAKI AHMAD



Pada 17 Januari 2009, Jawatankuasa Kebudayaan Kaum Cina dengan kerjasama Unit Kebudayaan & Seni Kreatif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaysia PAhang (UMP) telah menganjurkan Pesta Tahun Baharu Cina 2009.

Program tersebut berteraskan perpaduan berbilang kaum di Malaysia itu menekankan peranan penting pembangunan sahsiah dan personaliti demi menerajui Malaysia yang sedang berada di dalam arus pembangunan yang bersifat global.

Program itu merupakan program tahunan yang diadakan setiap tahun sempena sambutan tahun baharu cina. Di samping itu, program ini juga mendekatkan serta mengeratkan lagi hubungan antara kaum-kaum yang berada di UMP dengan melengkapkan acara-acara yang bersifat kemesraan dan kerjasama.

Pesta yang telah dirasmikan oleh Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Abd. Jalil Borham itu juga mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai bangsa yang lain dan ini menjadikan pesta ini sangat meriah.

Program ini juga mampu menciptakan hubungan yang lebih baik dan akrab antara kaum di universiti ini dan sekaligus mencapai matlamat untuk bersatu menjadi sebuah keluarga yang bahagia di universiti ini.



# Kor SUKSIS uji ketahanan diri di Sungai Pahang



**K**uala Sungai Pahang menjadi saksi ujian getir ketahanan pelatih Kor Suka relawan Siswa/Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sedang menjalani beberapa siri latihan lasak pada 22 Mac 2009 yang lalu.

Seramai 79 orang pelajar bersama lapan buah rakit dan diiringi 18 buah kayak menjalani latihan lasak berkenaan.

Mereka dibantu oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, Jabatan Pertahanan Awam 3, Pasukan Gerakan Marin dan jurulatih Kor Suksis UMP untuk menyertai ekspedisi berakit pada kali ini.

Acara bermula sebaik sahaja Pendaftar UMP, Supt/KS Hj. Mustapha Ibrahim melepaskan satu das tembakan ke udara.

Ekspedisi itu melibatkan beberapa laluan iaitu di Kampung Sungai Pinang, Kampung Pelak, Sekolah Kebangsaan Pelak dan garisan penamat di Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai.

Majlis Penutup Pertandingan Ekspedisi Berakit Sungai Pahang Kor SUKSIS telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Polis Pahang, SAC 1 Datuk Sharifuddin Abd Ghani.

Turut hadir ADUN Pulau Manis, Yang Berhormat Khairuddin Mahmud, Ketua Jabatan Pengurusan IPK Pahang, ACP Junaidi Mashud, Komandan Kor SUKSIS UMP, ACP/KS Prof. Dr. Abd Jalil Borham dan Ketua Polis Daerah Pekan Supt. Yahya Othman.

Datuk Sharifuddin berkata, pembabitan pelajat IPT yang begitu aktif dalam aktiviti luar kampus khususnya aktiviti kemasyarakatan, dilihat mampu mengeratkan hubungan kedua-dua belah pihak dan seterusnya menyumbang ke arah membantu polis memerangi jenayah.

Tambah beliau lagi, menerusi aktiviti sedemikian, pelajar boleh menyalurkan panduan mencegah jenayah di kawasan kediaman dengan mengadakan ceramah atau mengedor risalah.

“Selaku generasi muda yang berpendidikan, mereka mampu melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memantau dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat berhubung keselamatan dan sebagainya.

“Dengan adanya hubungan baik dengan masyarakat mereka berperanan sebagai penyalur maklumat kepada polis untuk pencegahan kes jenayah dalam komuniti mahupun kampus,” katanya.

Menurut Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), ACP/KS Profesor Dr. Abd. Jalil Borham, aktiviti ini menekankan aspek kepemimpinan, *team working*, pemikiran kreatif dan mengekalkan tahap kepolisian.

“Pembabitan dan kerjasama pihak Ibu Pejabat Kontingen (IPK) Polis Negeri, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) dan jabatan-jabatan lain dalam Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan memberi pendedahan dan pengalaman pelatih memahami dunia kepolisian melalui aktiviti-aktiviti luar.

*“Dengan adanya hubungan baik dengan masyarakat mereka berperanan sebagai penyalur maklumat kepada polis untuk pencegahan kes jenayah dalam komuniti mahupun kampus,”*

- SAC 1 Datuk Sharifuddin Abd Ghani

“Pelatih diminta mengekalkan prestasi sehingga tamat pertaulihan nanti dan pengalaman ini bukan hanya untuk memenuhi keperluan pengajian malah apa yang penting peranan Kor SUKSIS dalam membantu pihak universiti dan masyarakat komuniti meningkatkan kesedaran pencegahan jenayah serta memelihara ketenteraman awam,” katanya.

Sehari sebelum ekspedisi bermula, pelajar mengadakan program kemasyarakatan dan beramah mesra dengan penduduk Kampung Belimbing serta mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Kampung Belimbing.

Selain itu juga turut diadakan perlawanan bola sepak berkain pelikat antara pelatih Kor SUKSIS menentang penduduk kampung dan bacaan Tahlil dan Kenduri Doa Selamat di Masjid Tok Tuan.

# 100 sertai jelajah berbasikal promosi Pahang



Sebagai menyahut cabaran dan mahu membuktikan Pahang benar-benar negeri bertuah, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan Kesenian Warisan Negeri dan Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita Pahang, Yang Berhormat Dato' Haji Shafiq Fauzan Sharif bersama-sama 100 peserta termasuk 20 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Associated Cyclosportif Trekkers (ACT) dan beberapa kelab berbasikal tempatan dan Singapura menyertai Jelajah Berbasikal 24 Mac 2009 yang lalu.

Ekspedisi berbasikal sejauh 85 kilometer yang dianjurkan bersama oleh Pusat Sukan UMP dan ACT itu bermula seawal 7.00 pagi di Dataran Pekan (*River Front*) melalui Pantai Sepat sebelum ke Taman Kerang menuju ke UMP.

Peserta ekspedisi berbasikal dengan tema Pahang Bumi Bertuah dan slogan *Together As One*, terdiri dari 60 peserta ACT, 20 pelajar UMP dan 20 peserta dari kelab basikal tempatan dan Singapura.

Menurut Dato' Shafiq, pihak kerajaan negeri menyokong penuh program sebegini yang mengamalkan budaya hidup sihat dan menanamkan semangat cintakan keamanan dan tanah air Malaysia.

"Aktiviti ini dapat mendekatkan peserta dengan tempat-tempat menarik di Kuantan di samping menanam cintakan alam sekitar.

"Penyertaan saya dalam aktiviti rekreasi ini kerana mahu rakyat negeri Pahang bersyukur dengan keindahan alam semula jadi dan mengetahui bahawa negeri Pahang memang kaya dengan khazanah alam yang tidak ternilai serta kemakmuran yang dinikmati hari ini."

"Ini dapat memberi pendedahan dan peluang kepada peserta untuk menghargai keamanan, hidup bersatu, penuh toleransi selain beriadah," katanya sewaktu merasmikan majlis penutup Ekspedisi Jelajah Berbasikal Pekan-UMP.

Dato' Shafiq juga turut berbasikal mengayuh menuju ke UMP sebagai memberi semangat dan sokongan kepada para peserta.

Turut hadir, Presiden Persatuan Berbasikal Pahang, Dato' Haji Abdul Hadi Dato' Ibrahim, dan Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UMP, Abdul Shukur Ishak serta ahli Kelab Le Tua Cycling Team.

Sementara itu, Dato' Shafiq berkata, kerajaan negeri bercadang untuk menganjurkan acara berbasikal dari Kuantan-Putrajaya membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Salah seorang pelajar yang menyertai ekspedisi berbasikal ini, Mohd Khalil, 23, dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal berkata, minat yang mendalam membuatkan beliau

terlibat dalam sukan berbasikal ini yang telah beliau ceburi selama lebih kurang setahun.

Antara program yang pernah diikuti adalah Konvoi berbasikal Kembara Merdeka pada tahun 2007, Program MALAKOFF University Duathlon Series 2008 (MUDS'08) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM).

UMP juga menyediakan beberapa kelengkapan termasuk basikal *Mountain Bike* bagi menghantar pelajar yang berminat untuk menyertai program anjuran luar dan dalam universiti.

Jelasnya lagi, program berbasikal ini diharap dapat diperbanyak supaya para pelajar yang berminat boleh menyertainya," katanya.

Seorang lagi peserta dari UMP, Mohamad Nadzif, 23, berkata, ekspedisi ini juga menjadi medan untuk melahirkan lebih ramai pelajar UMP dalam sukan berbasikal dan menjadikan aktiviti berbasikal sebagai suatu budaya dan amalan sukan di UMP.

"Kami juga bercadang untuk membentuk satu pasukan berbasikal di UMP untuk memberi peluang kepada para pelajar yang berminat dalam sukan berbasikal ini," katanya yang merupakan pelajar tahun tiga, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).



## Pasukan UMP Fighter B juara Kumpulan F Kejohanan Hoki 6/7 Sebelah Terbuka Kuantan



Pasukan Hoki Staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini menyertai Kejohanan Hoki 6/7 Sebelah Terbuka Kuantan yang berlangsung pada 21 dan 22 Februari 2009 di Stadium Hoki Wisma Belia dan Padang Hoki SUKPA, Indera Mahkota, Kuantan.

Kejohanan anjuran Persatuan Hoki Daerah Kuantan itu turut disertai oleh pasukan luar seperti dari Kuala Lumpur, TNB, Dolphins dan Pulau Pinang. Pasukan Hoki Staf UMP diwakili oleh UMP Fighter A dan UMP Fighter B ke kejohanan ini.

UMP Fighter A diletakkan dalam kumpulan C bersama-sama MMU Cyber A dan IIUM Mustang A. Pasukan UMP Fighter A muncul naib juara kumpulan dengan rekod 1 menang dan 1 kalah. Manakala pasukan UMP Fighter B muncul juara kumpulan F mengatasi MPK, Pekan All Star dan Gebeng B.

Kedua-dua pasukan layak ke pusingan kedua kalah mati, tetapi nasib tidak menyebelahi pasukan UMP Fighter apabila diundi bertemu sesama sendiri.

UMP Fighter A berjaya menewaskan UMP Fighter B 3-0 dan layak ke suku akhir bertemu dengan pasukan UPM Staf.

Walau bagaimanapun, cabaran UMP Fighter A tersekat di suku akhir setelah ditewaskan oleh UPM Staf 2-0.

Semoga kejayaan di kejohanan ini akan memberi suntikan semangat kepada pasukan Hoki Staf UMP ke kejohanan Sukan Staf IPTA di Terengganu nanti.

# NC rai 50 petugas AUG'08

Seramai 50 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan petugas-petugas Asean University Games '08 (AUG'08) telah diraikan oleh Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam satu Majlis Makan Tengah Hari Para Petugas AUG '08 bersama pada 4 Februari 2009 di Bilik Latihan, Kompleks Pentadbiran Utama.

Dalam ucapan penghargaannya, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada semua staf UMP yang telah bertungkus-lumus membantu menjayakan AUG'08 yang telah berlangsung dari 11 hingga 21 Disember 2008 yang lalu di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

“Saya berasa amat bangga dan berterima kasih di atas segala usaha, masa dan tenaga yang telah diberikan oleh staf UMP dalam menjayakan majlis bertaraf antarabangsa anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ini.

“Mereka telah menaikkan imej dan nama baik universiti bukan sahaja di peringkat negara malah antarabangsa.

“Saya berharap agar segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi semasa menguruskan AUG 2008 bukan sahaja dapat memajukan diri mereka yang terlibat tetapi juga dapat dimanfaatkan untuk menaikkan imej UMP,” katanya.

*“Mereka telah menaikkan imej dan nama baik universiti bukan sahaja di peringkat negara malah antarabangsa.*

Di samping itu juga, beliau turut merakamkan rasa bangganya terhadap penglibatan warga UMP terutamanya Pegawai Kebudayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Mohd Zaki Ahmad yang telah mencipta lagu tema kejohanan “Menggapai Bintang” di mana liriknya ditulis oleh Ahmad Fedtri Yahya dari TV3.

Selain itu, UMP juga terlibat dalam beberapa Jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Logo/Maskot/Lagu, Jawatankuasa Pengangkutan, Jawatankuasa Sambutan & Protokol, Jawatankuasa Teknikal Boling dan pasukan sorak UMP.

Beliau berharap agar pengalaman yang ditimba sepanjang kejohanan ini dapat dijadikan panduan dan diaplikasikan dalam pengurusan majlis-majlis rasmi UMP yang bertaraf antarabangsa pada masa akan datang di samping terus menabur khidmat bakti bukan sahaja kepada universiti tetapi juga kepada negara apabila diperlukan kelak.



# BKSS anjur Ekspedisi Berakit di Sungai Pahang

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB RAHMAN

**B**adan Kebajikan Sukan Staf (BKSS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Ekspedisi Berakit di Sungai Pahang pada 6 hingga 8 Februari yang lalu. Destinasi pertandingan bermula di Paloh Hinai dengan aktiviti pertama iaitu membina rakit untuk pasukan masing-masing.

Peserta juga bermalam untuk seketika dan rakit pertama telah dilepaskan pada 7 Februari untuk memulakan pertandingan serta mengharung cabaran berakit. Setelah hampir lapan jam berakit, peserta tiba di destinasi pertama di Kampung Sungai Pahang Tua kira-kira jam 6.00 petang. Peserta seterusnya dibawa menginap di Pulau Keladi, Pekan untuk berehat sebelum meneruskan cabaran untuk keesokan harinya.

Menurut Pengurus BKSS, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, konsep pertandingan pada kali ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu hari pertama pertandingan peserta diberikan tugas atau lebih kepada *survival day*.

"Pemarkahan juga dikira berdasarkan kepada kreativiti pasukan membina rakit, cara bekerja berpasukan, mempraktikkan nilai-nilai murni dalam diri peserta dan menguji kesabaran peserta untuk meneroka air sugai Pahang yang pastinya mempunyai pelbagai cabaran," katanya.

Pada hari kedua, peserta dilepaskan untuk menamatkan ekspedisi bermula dari Pulau Keladi dan menamatkan perlumbaan di River Front, Pekan.

Tambah beliau lagi, konsep hari kedua adalah *speed day* yang mana peserta berlumba untuk sampai ke destinasi penamat bagi mengumpul markah untuk menujuai keseluruhan pertandingan berakit tersebut.

Pertandingan Ekspedisi Berakit Sungai Pahang itu berakhir pada 8 Februari 2009 dengan menamatkan perlumbaan di Jeti River Front Pekan pada jam 4.00 petang. Kemenangan ekspedisi berpihak kepada



Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta apabila pasukan mereka muncul juara keseluruhan pada hari itu.

Sepanjang pertandingan ini berlangsung, Pasukan Bomba dan Penyelamat Kuantan yang turut membantu mengawasi keselamatan peserta di sepanjang perjalanan.

Selain itu, kawalan keselamatan turut dilakukan oleh pasukan Polis Marin Pekan, Pasukan anggota polis di kawasan Paloh Hinai, Bomba dan Penyelamat Pekan dan Balai Polis Pekan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para peserta dan cenderamata kepada semua sukarelawan yang terlibat menjayakan program ini.

Jelas Mustafa lagi, secara keseluruhannya, program itu berjaya mempromosikan UMP di kalangan masyarakat setempat dan dapat beramah mesra dengan masyarakat di sekitar kawasan yang terlibat.

Ianya memberikan kesan yang sangat baik dalam menjalankan hubungan silaturahim antara staf dan penduduk setempat



## Jabatan Bendahari ungguli Kejohanan Bola Tampar Tertutup Staf Ke-4

Pasukan bola tampar Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diberisi beberapa orang pemain varsiti dan negeri telah berjaya mengungguli buat kali pertama Kejohanan Bola Tampar Tertutup Staf kali Ke- 4 Piala Bendahari yang telah berlangsung bermula dari 2 hingga 13 Februari 2009 yang lalu.

Perlawanan akhir pada kali itu telah menemukan pasukan Jabatan Bendahari dan Pasukan Pejabat Naib Canselor.

Perlawanan berlangsung dalam suasana yang cukup sengit dan mendebarkan apabila kedua-dua pasukan saling mengejar mata dalam usaha untuk mengejar gelaran juara.

Namun tuah dan pengalaman lebih berpihak kepada Jabatan Bendahari sebelum mencatat kemenangan 25-23 dan 25-20. Perlawanan yang turut disaksikan oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Bendahari UMP, Zainudin Othman berlangsung dalam suasana meriah ekoran sokongan padu penyokong kedua-dua belah pihak yang mahu pasukan masing-masing menjuarai kejohanan tersebut.

Kedua-dua pasukan mencatat sejarah apabila buat pertama kali berjaya melangkah ke perlawanan akhir dan lebih membanggakan Pejabat Naib Canselor

memenangi semua perlawanan peringkat kumpulan dalam perjalanan menuju ke akhir.

Tempat ke-3 kategori lelaki dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang berjaya menewaskan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dalam perlawanan penentuan tempat ke-3 dan ke-4.

Sementara itu, bagi kategori wanita, johan disandang oleh pasukan FKEE, naib johan dimenangi oleh Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan tempat ke-3 pasukan Perpustakaan.

# 23 ahli BKSS sertai Ekspedisi Memancing di Tasik Kenyir

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB RAHMAN

Seramai 23 ahli Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Ekspedisi Memancing di Tasik Kenyir, Terengganu pada 25 hingga 27 Februari yang lalu.

Menurut Pengurus BKSS, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, setiap penganjuran pertandingan yang dianjurkan oleh BKSS bukanlah untuk mencari siapa yang bakal menjadi pemenang ataupun juara tetapi lebih kepada untuk melihat bagaimana staf mewujudkan sifat-sifat bekerjasama antara satu sama lain.

Di samping itu, ia juga mampu melahirkan nilai-nilai murni dan positif, cara menyelesaikan masalah dan membentuk kumpulan yang boleh membangun kepada kejayaan dalam pasukan serta kesabaran dalam diri masing-masing.

"Ini mempunyai kaitan yang sangat bernilai jika faktor-faktor tersebut dipraktikkan di dalam organisasi khususnya di UMP," katanya.

Tambah Mustafa lagi, BKSS telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk staf UMP bagi memberi ruang untuk beriadah dan merehatkan minda di samping menjadi medan pertandingan dan perlumba untuk memupuk sikap berkerjasama dan semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain.

Perjalanan ke destinasi perkhemahan di Gua Bewah memakan masa hampir lima jam.

Walaupun jauh perjalanan, peserta sudah tidak sabar untuk menduga spesis ikan yang terdapat di dalam tasik dengan memasang umpan pelbagai cara mengikut kreativiti dan kemahiran masing-masing.



# 37 peserta sertai Kursus Audit Kumpulan Sokongan



Oleh: MOHD AKRAM ABDUL RAZAK

Unit Audit Dalam, Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama Unit Audit Dalam (UAD) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai Pengurus Jawatankuasa Kecil Latihan Audit IPTA, UAD Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), UAD Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), UAD Universiti Malaya (UM) dan UAD Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya menganjurkan Kursus Audit Kakitangan Sokongan (W17-W32) pada 10 hingga 12 Mac 2009 baru-baru ini.

Kursus itu terbuka kepada semua staf kumpulan sokongan audit Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Kursus dua hari yang disertai seramai 31 peserta itu telah diadakan di Hotel Empress, Sepang, Selangor.

Sepanjang kursus berlangsung semua peserta diberi pendedahan dan pengetahuan

*Kursus ini terbuka kepada semua staf kumpulan sokongan audit Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.*

berhubung teknik, kaedah dan kajian kes pengauditan.

Peserta juga didedah dengan isu-isu penemuan audit yang dikongsi bersama oleh penceramah yang terdiri daripada beberapa orang Ketua Audit Dalam IPTA.

Kursus dua hari itu yang bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 11.00 malam telah mendapat maklum balas yang baik daripada semua peserta yang hadir.

Kursus tersebut adalah lanjutan daripada agenda Mesyuarat Ketua Audit Dalam IPTA yang menyarankan untuk mewujudkan satu jawatankuasa kecil latihan audit IPTA untuk merancang pembangunan latihan staf audit. Kursus seterusnya akan dijalankan bagi juruaudit gred W41 - W44 dan seterusnya kursus bagi semua Ketua Audit Dalam IPTA seluruh Malaysia.

# Pelantikan Baharu



**Zuridan Mohd Daud**  
Pengarah  
Pusat Islam & Pembangunan Insan  
(Mulai 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2011)



**Mohamad Rozi Hassan**  
Pengarah  
Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)  
(Mulai 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2011)



**Jamal Rizal Razali**  
Pengarah  
Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Akademik  
(Mulai 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2011)



**Ir. Zulkeflee Khalidin**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  
(Mulai 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2011)



**Prof. Madya Dr. Abdullah Ibrahim**  
Pengarah  
Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik  
(Mulai 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2011)



**Prof. Dr. Rosli Abu Bakar**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
(Mulai 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2011)




**Prof. Ir. Dr. Jailani Salihon**  
Dekan  
Pusat Pengurusan Penyelidikan  
(Mulai 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2011)



**Mohd Redzuan Ahmad**  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pelajar 1  
(Mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Januari 2010)

# Terbitan Terkini



Judul buku:  
**Kemahiran Insaniah:  
Meneroka Metodologi  
Rasulullah**

Pengarang : Rashidi Abbas  
ISBN : 978-967-5080-16-6  
Harga : RM13.00  
Jumlah Halaman: 152 muka surat

## Ringkasan kandungan:

Industri ini memerlukan graduan yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal tidak akan lengkap sekiranya kemahiran kemanusiaan diabaikan. Justeru, kedua-dua kemahiran ini mestilah seiring untuk melahirkan graduan yang berketerampilan dan mempunyai sifat kemanusiaan yang tinggi. Kewibawaan pelajar sering dipersoalkan pada masa kini, mereka tidak melengkapkan personaliti dengan aspek kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini bertujuan untuk membangunkan personaliti yang unggul, tahap integriti yang tinggi dan kemahiran profesional yang baik.

Penerapan ini perlulah berjalan sejak di peringkat rendah lagi untuk pembinaan sikap dan tingkah laku yang terpuji. Penceraan ini akan bertambah baik apabila diadunca dengan konsep dan metodologi Rasulullah SAW. Terbukti kemahiran insaniah yang dicernakan oleh baginda Rasulullah telah membawa transisi yang agung kepada umat Islam. Untuk itu, penulis mengharapkan kemahiran insaniah yang dipamerkan oleh Rasulullah dapat menawan dan menakluki hati pendidik dan pelajar untuk membawa watak yang serupa sebagaimana Rasulullah SAW.



Judul buku:  
**Bahasa Arab Untuk Semua**

Pengarang : Asar Abdul Karim  
ISBN : 978-967-5080-36-4  
Harga : RM18.00  
Jumlah Halaman : 374 muka surat

## Ringkasan kandungan:

Penulis di dalam buku ini, berdasarkan pengalaman beliau mempelajari bahasa Arab (BA) dan mengajarnya kepada para pelajar universiti dan masyarakat umum, cuba untuk membawa pendekatan baharu dalam pembelajaran BA dengan menggabungkan kedua-dua elemen terpenting di dalam Pengajaran & Pembelajaran (P & P) rumpun bahasa infleksi sebegini. Penggunaan bahasa Melayu (BM) di dalam buku ini adalah suatu pendekatan unik bagi memudahkan kepada para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa ini di mana tenaga pengajar berupaya menekankan fokus utama mereka kepada aspek praktikal atau dengan kata lain aspek komunikasi BA ini.

Di samping itu, penulis juga mendatangkan beberapa latihan asas sebagai contoh yang boleh diperkembangkan oleh tenaga pengajar yang terlibat mengikut keadaan dan kemampuan para pelajar yang terlibat. Suatu kenyataan yang tidak boleh disangkal lagi adalah bahawa dengan penguasaan ilmu tatabahasa dengan baik, baharulah seseorang pelajar akan lebih mudah memperkembangkan kemahiran bahasa Arab di kemudian hari sama ada dia hendak mendalami penguasaannya di dalam kefahaman akan al-Quran, hadith atau teks-teks kitab agama dahulu; atau dia hendak memahirkan dirinya dengan bahasa daerah/slang masyarakat Arab tertentu; atau mungkin dia hendak memahirkan dirinya dengan bahasa persuratan moden atau bahasa perniagaan di kalangan orang Arab mahupun bahasa para pelancong Arab masa kini.



Judul buku:  
**Friday Wisdom: Handbook Untuk Wanita**

Penyelenggara : Anita Abdul Rani  
ISBN : 978-967-5080-07-4  
Harga : RM10.00  
Jumlah Halaman: 148 muka surat

## Ringkasan kandungan:

Adakah anda ingin menjadi wanita yang hebat? Wanita hebat merupakan wanita yang memahami tanggungjawabnya sebagai seorang Islam, pelajar, isteri, anak mahupun seorang pekerja yang penuh keikhlasan. Cukup dengan ilmu maka sempurnalah seseorang itu menjadi wanita yang hebat. Buku ini membincangkan tentang tiga bab utama yang perlu dilengkapi untuk menjadi wanita yang hebat iaitu:

- Ilmu Sepanjang Hayat;
- Motivasi Pemangkin Semangat; dan
- Akhlak Bunga Amal.

# Perpustakaan UMP kini berwajah baharu

*"Di zaman kursus kilat dan mass komunikasi moden, kebanyakan orang ramai, istimewa pemuda-pemudi tidak begitu pandai menghiburkan diri sendiri dengan membaca buku. Tambahan lagi di zaman ini orang sentiasa mencari jalan pendek untuk pandai. Sebenarnya, tamadun manusia di beberapa zaman dan di beberapa benua membuktikan bahawa kita hanya boleh mendapat pengetahuan dengan selalu membaca serta berfikir panjang dalam jangka masa yang lama. Tidak ada kursus kilat untuk menjadikan seseorang itu waras serta cerdik sekelip mata"*

Datuk Hussein Onn

Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur 26 April 1976

(Dipetik dari Laporan Bulan Membaca Kebangsaan 2003, p.29)

Bermula 2 Januari 2009, Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah memulakan operasinya di bangunan baharu. Bangunan seluas 6,400 meter persegi itu mampu memuatkan kira-kira 1,250 orang dalam satu-satu masa.

Ramai yang bertanya apakah istimewanya Perpustakaan sekarang selain dari saiz bangunan yang lebih besar. Bermatlamat untuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, beberapa perubahan telah dilaksanakan. Antaranya:

- Ruang bacaan di aras bawah dan atas
- Karel perseorangan - 30 unit
- Makmal komputer - 50 unit komputer
- Bilik perbincangan - lima unit
- Auditorium
- Bilik Seminar
- Bilik Koleksi Tesis
- Bilik Koleksi Khas
- Bilik Bacaan 24 jam

Selain kemudahan yang dipertingkatkan, Perpustakaan juga berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan iaitu:

• Waktu perkhidmatan jam 8:30 pagi - 10:00 malam dan tidak ditutup antara jam 7:00 - 8:00 malam kecuali Hari Jumaat ditutup sementara jam 12:00 tengah hari-2:45 petang.

• Bagi pengguna yang menghadapi masalah pencarian bahan, bolehlah merujuk Meja Penasihat Pembaca di Aras 1. Dahulunya perkhidmatan ini boleh didapati di Unit Rujukan dan kini bagi memudahkan pengguna, Meja Penasihat Pembaca disediakan ruang pengguna.



Sekiranya pengguna menghadapi sebarang masalah bolehlah menelefon pegawai bertugas mengikut kategori perkhidmatan:

Lokasi	No. Telefon	Perkhidmatan
Kaunter Perkhidmatan	09-549 3131	Peminjaman, pemulangan, bilik diskusi dan loker berkunci
Bahagian Pentadbiran	09- 549 3145	Pejabat Ketua Pustakawan
Bahagian Sirkulasi	09-549 3137	Masalah berkaitan peminjaman dan pemulangan bahan
Meja Penasihat Pengguna	09-549 8019	Pencarian bahan
Bahagian Rujukan	09-549 3147/ 3146	Pinjaman antara perpustakaan, pendidikan pengguna,
Bahagian Terbitan Bersiri	09-5493135/ 8023	Terbitan berkala, majalah dan jurnal serta pangkalan data
Bahagian Perolehan	09-549 3143 @ 8018	Pembelian buku
Bahagian Media	09-549 8021	Peminjaman & penggunaan bahan serta peralatan media

Selain daripada perkhidmatan yang dinyatakan, pengguna boleh merujuk ke Kuanter Perkhidmatan Sirkulasi untuk pertanyaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan lain. Semoga dengan kemudahan yang disediakan dapat menarik lebih ramai warga UMP dan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan di Perpustakaan.

# Workplace Stress

By: SHARIFAH INTAN SAFINA & MOHD. GHANI AWANG

"Job stress can be defined as the harmful physical and emotional responses that occur when the requirements of the job do not match the capabilities, resources or needs of the worker. Job stress can lead to poor health and even injury." [Stress At Work, United States National Institute of Occupational Safety and Health, Cincinnati, 1999.]

"The emotional, cognitive, behavioral and physiological reactions to aversive and noxious aspects of work, work environments and work organizations. It is a state characterized by high levels of arousal and distress and often by feelings of not coping." [Guidance on work-related stress: Spice of Life - or kiss of death, European Commission, Directorate-General for Employment and Social Affairs].

"Stress is the reaction people have to excessive pressures or other types of demand placed on them." [Managing stress at work: Discussion document, United Kingdom Health and Safety Commission, London, 1999.]

The definition above illustrates that stress can be defined as something that can effect the physical, emotional, health, or as a motivation that can force the inner drive of someone in their everyday activities. Getting stressed out at the workplace is a common issue for most workers nowadays. It is something viewed as a minor problem

and yet it can cause various effects without many noticing. According to the US National Institute of Occupational Safety and Health, 1999, job stress can be defined as the harmful physical and emotional responses that occur when the requirements of the job do not match the capabilities, resources, or needs the worker. Job stress can lead to poor health and even injury.

Several issues that can cause job stress are identified and they are very common for workers throughout the world. Young or old, male or female can be caught in this problem regardless of their position. Overworking is one of the commonest factor of job stress. This includes working late, taking home unfinished work and also not taking vacation in a very long time. Apart from that, being in the wrong career can also contribute to such feeling as the interests do not match with the job. Since working is a long term commitment, it is important that the job chosen is the right one and will not cause boredom due to the repetition that will be faced day in and day out. The relationship among co-workers is vital for a stress free working environment as well. Miscommunication among co-workers will lead to tension and discomfort at the workplace. Being bullied as well as sexually harassed can also affect the workers and therefore, performance will also be affected. Other factors are uncomfortable environment such as noisy, dirty and limited space and also the culture and policy of the company.

## Causes

### Job Insecurity

Organized workplace are going through metamorphic changes under intense economic transformations and consequent pressures. Reorganizations, takeovers, mergers, downsizing and other changes have become major stressors for employees, as companies try to live up to the competition to survive. These reformations have put demand on everyone, from a CEO to a mere executive.

### High Demand for Performance

Unrealistic expectations, especially in the time of corporate reorganizations, which, sometimes, puts unhealthy and unreasonable pressures on the employee, can be a tremendous source of stress and suffering. Increased workload, extremely long work hours and intense pressure to perform at peak levels all the time for the same pay, can actually leave an employee physically and emotionally drained. Excessive travelling and too much time away from the family also contribute to the increase in the stress level of an employee.



# of Workplace Stress

*Job stress may be caused by a complex set of reasons. Some of the most visible causes of workplace stress are:*

## Technology

The expansion of technology—computers, pagers, cell phones, fax machines and the Internet—has resulted in heightened expectations for productivity, speed and efficiency, thus increasing pressure on the individual worker to constantly operate at peak performance levels. Workers working with heavy machinery are under constant stress to remain alert. In this case both the worker and their family members live under constant mental stress. There is also the constant pressure to keep up with technological breakthroughs and improvisations, forcing employees to learn new software all the times.

## Workplace Culture

Adjusting to the workplace culture, whether in a new company or not, can be intensely stressful. Making oneself adapt to the various aspects of workplace culture such as communication patterns, hierarchy, dress code if any, workspace and most importantly working and behavioral patterns of the boss as well as the co-workers, can be a lesson of life. Maladjustment to workplace cultures may lead to subtle conflicts with colleagues or even with superiors. In many cases office politics or gossips can be major stress inducers.

## Personal or Family Problems

Employees going through personal or family problems tend to carry their worries and anxieties to the workplace. When one is in a depressed mood, his unfocused attention or lack of motivation affects his ability to carry out job responsibilities.

## Job Stress and Women

Women may suffer from mental and physical harassment at the workplace, apart from the common job stress. Sexual harassment in workplace has been a major source of worry for women. Women may suffer from tremendous stress such as 'hostile work environment harassment', which is defined in legal terms as 'offensive or intimidating behavior in the workplace'. This can consist of unwelcome verbal or physical conduct. These can be a constant source of tension for women in job sectors. Also, subtle discriminations at the workplace, family pressure and societal demands add to these stress factors.

Workers nowadays are sometimes too caught up in their jobs and tasks at hand and therefore neglect the bigger problem that they are facing within them which is job stress. This problem, though, can be identified by observing a few symptoms known to contribute to such problem. The feeling of job dissatisfaction, sleep disturbances, short-temperedness, having

upset stomach, experiencing frequent headache, having disturbed relationship with family and friends and an increased use of drugs and alcohol are some of the symptoms for such problem. Identifying these symptoms early can curb bigger problems from surfacing. Sometimes little things can bring huge difference.

Here are some tips that can be practiced by everyone to prevent job stress:

- Buy yourself a gift as a reward of works done and any achievement; big or small
- Place plants or fresh flowers as to bring freshness and life to the environment
- Arrange a non-business lunch with a good friend
- Read inspirational stories
- Sit by the window
- Pamper yourself with relaxing activities such as massage, facial or manicure
- Go to a movie or a concert

Job stress is a universal problem. Eliminating any traces of job stress is very important as well as preventing it from happening. Peace of mind contributes many great things in life. A stress free job is the best job for anyone. It might sound cliché but "prevention is better than cure".

---

*Writers are Lectures at Centre for Modern Languages & Human Sciences, UMP.*

# The Value of Facade Improvement Towards Building Image



By: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

## Introduction.

The importance of good looking image for building in the practice of building design. It also discusses the basic understandings of building image , the method of colour scheme. Façade means the face or front of a building, part of a building which faces the street; outward appearance; illusion, deceptive appearance .

Much attention has been given to the increasing number of impression on building facades in relation to the urban city development.

In Malaysia, recently architectural image to the buildings can be found in most urban areas and some in rural areas. Recently many building are built within urban may creates the intention of the interest of clients. Within the image created by the similarity and continuity of the box shapes, the materials, construction methods, and structural integrity of buildings built at the same time have a consistency resulting from unpleasure view from the outside.

## Reasons for good façade looking.

A good looking of a building façade is to show a sense of sensitivity towards the past or futuristic of the building. Secondly, a buildings play a significant role in retaining evidence of the country's history and development. Thirdly, to maintain the physical characteristics of an area including their scale and proportion. Finally, a building are preserved and conserved for the purpose of enhancing the tourism industry. For example the adaptive reuse of historic buildings into appropriate new uses such as shops, museums and restaurants may help to promote tourism.

## Importance of colour to the public.

Colour plays such an important role in emphasising the unique characteristics of buildings. Building elements such as windows, doors, walls, columns, roofs, domes, turrets, staircases and ceilings are all painted in various colours. Colours on these building elements are important as they can create a vivid image for development cities. The building colour in harmony is important in creating a sense of acknowledgement, conformity, continuity and stability of buildings in the city area. Attractive signs should be as artistic and as carefully crafted as the remainder of the facade.



*Facade creates new image to the area surrounding*

Good lighting plays with the textures and features and colours of the best parts of the building, its signs and the rest of the street. Bad lighting offends its neighbors and glares at prospective customers.

Colour plays an important role in building conservation, particularly in understanding the building materials and identifying the original colour(s) of a buildings. Its also created the ability to raise passions of all kinds.



*Colours on building elements are important to create a vivid image for development cities.*

# Aku insan kerdil di sisi-Mu

In building design, colour serves several aesthetic purposes including:

- to express the characters of building materials such as red roof tiles, grey stone walls and brown timber trusses
- to highlight the building functions or uses. For example, red for Chinese temples and fire stations, white for churches blue for the Malaysian Police Headquarters. red with white for fire Headquarters.
- to create an atmosphere either external or internal. A bright colour scheme tends to express excitement and fun in kindergarten centres.
- to define either unity or diversity. A uniform colour scheme tends to define a sense of unity such as a block of new shophouses or a modern shopping complex. Conversely, a varied colour scheme creates a feeling of diversity

A guides to make an impression the building facade

1. Street Level Windows & Doors- Most shops were designed with the maximum amount of glass at the street level. The shop windows at street level should be impress to their design using pane sizes and framing elements in original proportions.
2. Upgrade to sandblasted glass and current coloured framing is usually acceptable if the colours and designs are compatible with the surrounding facade. The main entrance is the first seen that will actually be touched and felt by the public.
3. The entrance or reception provides a tactile contact and should represent the image of the building. The attractive signage panels and a glass vision panel may better represent the interior and the building activity.

## References

1. Brereton, C., (1991), *The Repair of Historic Buildings: Advice on Principles and Methods*, London: English Heritage.
2. Charles, HRH The Prince of Wales, (1989), *A Vision of Britain: A Personal View of Architecture*, London: Doubleday.
3. Cumming, R. & Porter, T., (1990), *The Colour Eye*, London: BBC Books.

Writer is a Lecturer at Faculty of Civil Engineering & Earth Resources, UMP

*Taktala aku merasa sunyi  
Kubuka kitab penerang hati  
Kualun merdu meratap sepi  
Terasa kerdil di sisi-Mu llahi*

*Taktala aku merasa gundah  
Sujudku lama pada sejadah  
Tiap hari merasa resah  
Entah kenapa diriku rebah*

*Rebah...*

*Taktala kesenangan melimpah ruah  
Takut jiwaku kian resah  
Melihat dunia terasa indah  
Tanpa kusedari Kau jauh sudah*

*Kerdilnya aku di sisi-Mu  
Terasa hidup terus terbelenggu  
Dosa semalam, alpaku pada-Mu  
Jauh perjalanan terasa sayu  
Ingin kutebus di setiap nafasku  
Terimalah aku Wahai Khalidku  
Walau kerdil diriku  
Walau sedikit amalanku  
Tapi aku tetap hamba-Mu  
Terima aku.... sebagai calon syurga-Mu*


Hasil Nukilan: Mushairah, Perpustakaan UMP

# I Wonder Why



How many feathers does a bird have?

*The bigger a bird is the more feathers it has. A hummingbird has about 900 feathers, while a swan has 25,000. Feathers come in all different shapes and sizes. Soft downy feathers keep the bird warm, others keep it waterproof in the rain, and the strongest feathers give it the power to fly.*



Which is the hottest planet?

*Venus isn't the closest planet to the sun, but it is the hottest. The temperature there can reach 500°C – that's about eight times hotter than it gets in the Sahara Desert, the hottest place on earth.*



UMP HOLDINGS SDN. BHD. (644762-H)  
(Incorporated in Malaysia)

## Creative Technology Engineering



We offer **CREATIVE** business innovation

We use **TECHNOLOGY** to create the opportunity

We believe **ENGINEERING** can enhance the future

If you have the problem, we have the solution

If you have the idea, we make it happen

## Talk to us...

**UMP Holdings Sdn. Bhd.**

(Wholly owned by Universiti Malaysia Pahang)

Lebuhraya Tun Razak

26300 Gambang, Kuantan

Pahang Darul Makmur

Tel: (609) 549 2795 / 549 2796

Fax: (609) 549 2799

e-Mail: [asri@ump.edu.my](mailto:asri@ump.edu.my) / [fauzell@ump.edu.my](mailto:fauzell@ump.edu.my)

[www.umpholdings.com.my](http://www.umpholdings.com.my)



## Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:  
**UNIT PENERBITAN & GRAFIK**  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang

Tel : 09 549 2051  
Faks : 09 549 3199  
e-Emel : pro@ump.edu.my